



4 Ogos 2020
4 August 2020
P.U. (A) 224

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH PELEPASAN CUKAI DUA KALI
(KONVENSYEN MULTILATERAL UNTUK MELAKSANAKAN
TINDAKAN BERKAITAN DENGAN TRITI CUKAI
BAGI MENGHALANG HAKISAN ASAS
DAN PERALIHAN KEUNTUNGAN) 2020

*DOUBLE TAXATION RELIEF
(MULTILATERAL CONVENTION TO IMPLEMENT
TAX TREATY RELATED MEASURES TO PREVENT
BASE EROSION AND PROFIT SHIFTING) ORDER 2020*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967
DAN
AKTA PETROLEUM (CUKAI PENDAPATAN) 1967

PERINTAH PELEPASAN CUKAI DUA KALI (KONVENSYEN MULTILATERAL UNTUK MELAKSANAKAN TINDAKAN BERKAITAN DENGAN TRITI CUKAI BAGI MENGHALANG HAKISAN ASAS DAN PERALIHAN KEUNTUNGAN) 2020

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 132(1) Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*] dan subseksyen 65A(1) Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 [*Akta 543*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pelepasan Cukai Dua Kali (Konvensyen Multilateral untuk Melaksanakan Tindakan berkaitan dengan Triti Cukai bagi Menghalang Hakisan Asas dan Peralihan Keuntungan) 2020.**

Pelepasan cukai dua kali

2. Diisytiharkan bahawa perkiraan yang dinyatakan dalam Jadual telah dibuat oleh Kerajaan Malaysia dengan kerajaan yang telah menandatangani Konvensyen Multilateral untuk Melaksanakan Tindakan berkaitan dengan Triti Cukai bagi Menghalang Hakisan Asas dan Peralihan Keuntungan dengan tujuan untuk memberikan pelepasan cukai dua kali berhubung dengan cukai Malaysia dan cukai kerajaan itu dan adalah suai manfaat perkiraan itu dikuatkuasakan.

JADUAL
[Perenggan 2]

**KONVENSYEN MULTILATERAL UNTUK MELAKSANAKAN TINDAKAN
BERKAITAN DENGAN TRITI CUKAI BAGI MENGHALANG HAKISAN ASAS
DAN PERALIHAN KEUNTUNGAN**

Pihak-Pihak kepada Konvensyen ini,

Mengiktiraf bahawa kerajaan kehilangan hasil cukai korporat yang substansial disebabkan oleh perancangan cukai antarabangsa yang agresif yang menyebabkan peralihan keuntungan secara palsu ke lokasi di mana mereka adalah tertakluk kepada tiada pencukaaian atau pencukaaian yang dikurangkan;

Menyedari bahawa hakisan asas dan peralihan keuntungan (selepas daripada ini disebut “BEPS”) merupakan suatu isu yang mendesak bukan sahaja bagi negara perindustrian tetapi juga bagi negara ekonomi memuncul dan negara membangun;

Mengiktiraf kepentingan untuk memastikan bahawa keuntungan hendaklah dicukaikan di mana aktiviti ekonomi substantif yang menjana keuntungan dijalankan dan di mana nilainya diwujudkan;

Menyambut baik pakej tindakan yang dibangunkan di bawah projek BEPS OECD/G20 (selepas daripada ini disebut “pakej BEPS OECD/G20”);

Mengambil maklum bahawa pakej BEPS OECD/G20 mengandungi tindakan berkaitan dengan triti cukai untuk menangani perkiraan ketakpadanan hibrid tertentu, menghalang penyalahgunaan triti, menangani pengelakan status establismen tetap yang palsu dan menambah baik penyelesaian pertikaian;

Menyedari akan keperluan untuk memastikan pelaksanaan tindakan triti yang berkaitan dengan BEPS adalah pantas, selaras dan berterusan dalam konteks pelbagai hala;

Mengambil maklum keperluan untuk memastikan perjanjian sedia ada bagi pengelakan pencukaian dua kali atas pendapatan ditafsir untuk menghapuskan pencukaian dua kali yang berkaitan dengan cukai yang diliputi oleh perjanjian itu tanpa mewujudkan peluang bagi tiada pencukaian atau pengurangan pencukaian melalui pelarian atau pengelakan cukai (termasuk melalui perkiraan *treaty-shopping* yang bertujuan untuk mendapatkan pelepasan yang diperuntukkan dalam perjanjian itu bagi faedah tidak langsung pemastautin bidang kuasa ketiga);

Mengiktiraf keperluan bagi suatu mekanisma berkesan untuk melaksanakan perubahan dalam cara yang dipersetujui secara serentak dan berkesan merentasi rangkaian perjanjian sedia ada bagi pengelakan pencukaian dua kali atas pendapatan tanpa keperluan rundingan semula secara dua hala bagi setiap perjanjian itu;

Telah bersetuju seperti yang berikut:

BAHAGIAN I SKOP DAN TAFSIRAN ISTILAH

Perkara 1 – Skop Konvensyen

Konvensyen ini mengubah suai semua Perjanjian Cukai yang Diliputi sebagaimana yang ditakrifkan dalam subperenggan (a) perenggan 1 Perkara 2 (Tafsiran Istilah).

Perkara 2 – Tafsiran Istilah

1. Bagi maksud Konvensyen ini, takrif yang berikut terpakai:
 - (a) Istilah “Perjanjian Cukai yang Diliputi” ertinya suatu perjanjian bagi pengelakan pencukaian dua kali berkenaan dengan cukai atas pendapatan (sama ada atau tidak cukai-cukai lain juga diliputi):

- (i) yang sedang berkuat kuasa antara dua atau lebih:
 - (A) Pihak-Pihak; dan/atau
 - (B) bidang kuasa atau wilayah-wilayah yang merupakan pihak-pihak kepada suatu perjanjian yang diperihalkan di atas dan yang baginya suatu Pihak itu bertanggungjawab atas hubungan antarabangnya; dan
 - (ii) berkenaan dengan setiap satu Pihak itu yang telah membuat suatu pemberitahuan kepada Depositori yang menyenaraikan perjanjian dan apa-apa pindaan atau surat cara iringan kepadanya (yang dikenal pasti melalui tajuk, nama pihak-pihak, tarikh tandatangan, dan, jika berkenaan pada masa pemberitahuan, tarikh permulaan kuat kuasa) sebagai suatu perjanjian yang dihasratkan untuk diliputi oleh Konvensyen ini.
- (b) Istilah “Pihak” ertinya:
- (i) Suatu Negara yang baginya Konvensyen ini berkuat kuasa menurut Perkara 34 (Permulaan Kuat Kuasa); atau
 - (ii) Suatu bidang kuasa yang telah menandatangani Konvensyen ini menurut subperenggan (b) atau (c) perenggan 1 Perkara 27 (Tandatangan dan Ratifikasi, Penerimaan atau Kelulusan) dan yang baginya Konvensyen ini berkuat kuasa menurut Perkara 34 (Permulaan Kuat Kuasa).
- (c) Istilah “Bidang Kuasa Pejanji” ertinya suatu pihak kepada suatu Perjanjian Cukai yang Diliputi.

- (d) Istilah “Penandatanganan” ertinya suatu Negara atau bidang kuasa yang telah menandatangani Konvensyen ini tetapi yang baginya Konvensyen belum berkuat kuasa.

2. Berkenaan dengan pemakaian Konvensyen ini pada bila-bila masa oleh suatu Pihak, mana-mana istilah yang tidak ditakrifkan dalam Konvensyen ini hendaklah, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain, mempunyai erti yang dipunyainya pada masa itu di bawah Perjanjian Cukai yang Diliputi yang berkaitan.

BAHAGIAN II KETAKPADANAN HIBRID

Perkara 3 – Entiti yang Telus

1. Bagi maksud suatu Perjanjian Cukai yang Diliputi, pendapatan yang diperoleh oleh atau melalui suatu entiti atau perkiraan yang dikira sebagai telus secara fiskal keseluruhannya atau sebahagiannya di bawah undang-undang cukai mana-mana Bidang Kuasa Pejanji hendaklah dianggap sebagai pendapatan pemastautin suatu Bidang Kuasa Pejanji tetapi hanya setakat yang pendapatan itu dikira, bagi maksud pencukaaian oleh Bidang Kuasa Pejanji itu, sebagai pendapatan pemastautin Bidang Kuasa Pejanji itu.

2. Peruntukan suatu Perjanjian Cukai yang Diliputi yang menghendaki Bidang Kuasa Pejanji untuk mengecualikan daripada cukai pendapatan atau memberikan suatu potongan atau kredit yang sama dengan cukai pendapatan yang dibayar berkenaan dengan pendapatan yang diperoleh oleh pemastautin Bidang Kuasa Pejanji itu yang boleh dicukai di Bidang Kuasa Pejanji yang lain mengikut peruntukan Perjanjian Cukai yang Diliputi itu tidak terpakai setakat apa-apa peruntukan yang membenarkan pencukaaian oleh Bidang Kuasa Pejanji yang lain itu semata-mata kerana pendapatan itu juga merupakan pendapatan yang diperoleh oleh pemastautin Bidang Kuasa Pejanji yang lain itu.

3. Berkenaan dengan Perjanjian Cukai yang Diliputi yang baginya satu atau lebih Pihak telah membuat reservasi yang diperihalkan dalam subperenggan (a) perenggan 3 Perkara 11 (Pemakaian Perjanjian Cukai untuk Menyekat Hak suatu Pihak untuk Mengenakan Cukai terhadap Pemastautinnya Sendiri), ayat yang berikut hendaklah ditambah pada akhir perenggan 1: “Tidak sekali-kali dalam apa jua hal peruntukan perenggan ini ditafsirkan sebagai memberi kesan kepada hak suatu Bidang Kuasa Pejanji untuk mengenakan cukai terhadap pemastautin Bidang Kuasa Pejanji itu”.

4. Perenggan 1 (sebagaimana yang boleh diubah suai oleh perenggan 3) hendaklah terpakai sebagai ganti atau jika sekiranya tidak ada peruntukan suatu Perjanjian Cukai yang Diliputi setakat yang peruntukan itu menyatakan sama ada pendapatan diperoleh oleh atau melalui entiti atau perkiraan yang dikira sebagai telus secara fiskal di bawah undang-undang cukai mana-mana Bidang Kuasa Pejanji (sama ada melalui suatu kaedah am atau dengan mengenal pasti secara terperinci pengiraan bentuk fakta tertentu dan jenis entiti atau perkiraan) hendaklah dikira sebagai pendapatan pemastautin suatu Bidang Kuasa Pejanji.

5. Suatu Pihak boleh mengekalkan hak:

- (a) bagi keseluruhan Perkara ini tidak terpakai bagi Perjanjian Cukai yang Diliputinya;
- (b) bagi perenggan 1 tidak terpakai bagi Perjanjian Cukai yang Diliputinya yang telah sedia ada mengandungi peruntukan yang diperihalkan dalam perenggan 4;
- (c) bagi perenggan 1 tidak terpakai bagi Perjanjian Cukai yang Diliputinya yang telah sedia ada mengandungi peruntukan yang diperihalkan dalam perenggan 4 yang menafikan faedah triti dalam hal pendapatan yang diperoleh oleh atau melalui suatu entiti atau perkiraan yang ditubuhkan di suatu bidang kuasa ketiga;

- (d) bagi perenggan 1 tidak terpakai bagi Perjanjian Cukai yang Diliputinya yang telah sedia ada mengandungi peruntukan yang diperihalkan dalam perenggan 4 yang mengenal pasti secara terperinci pengiraan bentuk fakta tertentu dan jenis entiti atau perkiraan;
- (e) bagi perenggan 1 tidak terpakai bagi Perjanjian Cukai yang Diliputinya yang telah sedia ada mengandungi peruntukan yang diperihalkan dalam perenggan 4 yang mengenal pasti secara terperinci pengiraan bentuk fakta tertentu dan jenis entiti atau perkiraan dan menafikan faedah triti dalam hal pendapatan yang diperoleh oleh atau melalui suatu entiti atau perkiraan yang ditubuhkan di suatu bidang kuasa ketiga;
- (f) bagi perenggan 2 tidak terpakai bagi Perjanjian Cukai yang Diliputinya;
- (g) bagi perenggan 1 hanya terpakai bagi Perjanjian Cukai yang Diliputinya yang telah sedia ada mengandungi peruntukan yang diperihalkan dalam perenggan 4 yang mengenal pasti secara terperinci pengiraan bentuk fakta tertentu dan jenis entiti atau perkiraan.

6. Setiap Pihak yang tidak membuat reservasi yang diperihalkan dalam subperenggan (a) atau (b) perenggan 5 hendaklah memberitahu Depositori sama ada setiap Perjanjian Cukai yang Diliputinya mengandungi peruntukan yang diperihalkan dalam perenggan 4 yang tidak tertakluk kepada reservasi di bawah subperenggan (c) hingga (e) perenggan 5, dan jika sedemikian, nombor perkara dan nombor perenggan untuk setiap peruntukan itu. Dalam hal suatu Pihak yang telah membuat reservasi yang diperihalkan dalam subperenggan (g) perenggan 5, pemberitahuan menurut ayat terdahulu hendaklah dihadkan kepada Perjanjian Cukai yang Diliputi yang tertakluk kepada reservasi itu. Jika semua Bidang Kuasa Pejanji telah membuat apa-apa pemberitahuan berkenaan dengan peruntukan Perjanjian Cukai yang Diliputi, peruntukan itu akan digantikan dengan peruntukan perenggan 1 (sebagaimana yang boleh diubah suai oleh perenggan 3) setakat yang diperuntukkan dalam perenggan 4. Dalam hal lain, perenggan 1 (sebagaimana yang boleh diubah suai oleh perenggan 3)

hendaklah menggantikan peruntukan Perjanjian Cukai yang Diliputi hanya setakat peruntukan itu yang tidak selaras dengan perenggan 1 (sebagaimana yang boleh diubah suai oleh perenggan 3).

Perkara 4 – Entiti Dwipemastautin

1. Jika disebabkan oleh peruntukan suatu Perjanjian Cukai yang Diliputi, seseorang selain individu yang merupakan pemastautin bagi lebih daripada satu Bidang Kuasa Pejanji, pihak berkuasa berwibawa bagi Bidang Kuasa Pejanji hendaklah berusaha untuk menentukan melalui persetujuan bersama Bidang Kuasa Pejanji yang orang itu hendaklah disifatkan sebagai pemastautin bagi maksud Perjanjian Cukai yang Diliputi itu, dengan mengambil kira tempat pengurusan efektifnya, tempat di mana ia diperbadankan atau selainnya ditubuhkan dan mana-mana faktor berkaitan yang lain. Jika sekiranya tidak ada persetujuan itu, orang itu tidak berhak bagi apa-apa pelepasan atau pengecualian daripada cukai yang diperuntukkan di bawah Perjanjian Cukai yang Diliputi kecuali setakat dan dalam apa-apa cara yang boleh dipersetujui oleh pihak berkuasa berwibawa Bidang Kuasa Pejanji itu.

2. Perenggan 1 hendaklah terpakai sebagai ganti atau jika sekiranya tidak ada peruntukan suatu Perjanjian Cukai yang Diliputi yang memperuntukkan kaedah-kaedah untuk menentukan sama ada seseorang selain individu hendaklah dikira sebagai pemastautin bagi satu Bidang Kuasa Pejanji dalam hal yang orang itu selainnya dikira sebagai pemastautin bagi lebih daripada satu Bidang Kuasa Pejanji. Walau bagaimanapun, perenggan 1 tidak terpakai bagi peruntukan suatu Perjanjian Cukai yang Diliputi yang secara khususnya menyatakan pemastautinan syarikat-syarikat yang menyertai perkiraan syarikat dwitersenarai.

3. Suatu Pihak boleh mengekalkan hak:

- (a) bagi keseluruhan Perkara ini tidak terpakai bagi Perjanjian Cukai yang Diliputinya;

- (b) bagi keseluruhan Perkara ini tidak terpakai bagi Perjanjian Cukai yang Diliputinya yang telah sedia ada menyentuh hal jika seseorang selain individu yang merupakan pemastautin bagi lebih daripada satu Bidang Kuasa Pejanji dengan menghendaki pihak berkuasa berwibawa Bidang Kuasa Pejanji itu untuk berusaha mencapai persetujuan bersama bagi satu Bidang Kuasa Pejanji pemastautinan;
- (c) bagi keseluruhan Perkara ini tidak terpakai bagi Perjanjian Cukai yang Diliputinya yang telah sedia ada menyentuh hal jika seseorang selain individu yang merupakan pemastautin bagi lebih daripada satu Bidang Kuasa Pejanji dengan menafikan faedah triti tanpa menghendaki pihak berkuasa berwibawa Bidang Kuasa Pejanji itu untuk berusaha mencapai persetujuan bersama bagi satu Bidang Kuasa Pejanji pemastautinan;
- (d) bagi keseluruhan Perkara ini tidak terpakai bagi Perjanjian Cukai yang Diliputinya yang telah sedia ada menyentuh hal jika seseorang selain individu yang merupakan pemastautin bagi lebih daripada satu Bidang Kuasa Pejanji dengan menghendaki pihak berkuasa berwibawa Bidang Kuasa Pejanji itu untuk berusaha mencapai persetujuan bersama bagi satu Bidang Kuasa Pejanji pemastautinan, dan yang menetapkan layanan terhadap orang itu di bawah Perjanjian Cukai yang Diliputi itu jika apa-apa persetujuan itu tidak dapat dicapai;
- (e) bagi menggantikan ayat terakhir perenggan 1 dengan ayat yang berikut bagi maksud Perjanjian Cukai yang Diliputinya: “Jika sekiranya tidak ada persetujuan itu, orang itu tidak berhak bagi apa-apa pelepasan atau pengecualian daripada cukai yang diperuntukkan di bawah Perjanjian Cukai yang Diliputi”;

- (f) bagi keseluruhan Perkara ini tidak terpakai bagi Perjanjian Cukai yang Diliputinya dengan Pihak-Pihak yang telah membuat reservasi yang diperihalkan dalam subperenggan (e).

4. Setiap Pihak yang tidak membuat reservasi yang diperihalkan dalam subperenggan (a) perenggan 3 hendaklah memberitahu Depositori sama ada setiap Perjanjian Cukai yang Diliputinya mengandungi peruntukan yang diperihalkan dalam perenggan 2 yang tidak tertakluk kepada reservasi di bawah subperenggan (b) hingga (d) perenggan 3, dan jika sedemikian, nombor perkara dan nombor perenggan bagi setiap peruntukan itu. Jika semua Bidang Kuasa Pejanji telah membuat apa-apa pemberitahuan berkenaan dengan peruntukan suatu Perjanjian Cukai yang Diliputi, peruntukan itu hendaklah digantikan dengan peruntukan perenggan 1. Dalam hal lain, perenggan 1 hendaklah menggantikan peruntukan Perjanjian Cukai yang Diliputi hanya setakat peruntukan itu yang tidak selaras dengan perenggan 1.

Perkara 5 – Pemakaian Kaedah bagi Penghapusan Pencukaian Dua Kali

1. Suatu Pihak boleh memilih untuk memakai sama ada perenggan 2 dan 3 (Opsyen A), perenggan 4 dan 5 (Opsyen B), atau perenggan 6 dan 7 (Opsyen C), atau boleh memilih untuk tidak memakai mana-mana Opsyen. Jika setiap Bidang Kuasa Pejanji kepada suatu Perjanjian Cukai yang Diliputi memilih suatu Opsyen yang berbeza (atau jika satu Bidang Kuasa Pejanji memilih untuk memakai suatu Opsyen dan Bidang Kuasa Pejanji yang satu lagi memilih untuk tidak memakai mana-mana Opsyen), Opsyen yang dipilih oleh setiap Bidang Kuasa Pejanji hendaklah terpakai bagi pemastautinnya sendiri.

Opsyen A

2. Peruntukan suatu Perjanjian Cukai yang Diliputi yang selainnya mengecualikan pendapatan yang diperoleh atau modal yang dimiliki oleh pemastautin suatu Bidang Kuasa Pejanji daripada cukai di Bidang Kuasa Pejanji itu bagi maksud penghapusan pencukaian dua kali adalah tidak terpakai jika Bidang Kuasa Pejanji

yang satu lagi memakai peruntukan Perjanjian Cukai yang Diliputi itu untuk mengecualikan pendapatan atau modal itu daripada cukai atau mengehendkan kadar yang boleh dicukaikan atas pendapatan atau modal itu. Dalam hal yang terkemudian itu, Bidang Kuasa Pejanji yang mula-mula disebut itu hendaklah membenarkan sebagai suatu potongan daripada cukai atas pendapatan atau modal pemastautin itu suatu amaun yang sama dengan cukai yang dibayar di Bidang Kuasa Pejanji yang satu lagi itu. Potongan itu tidak boleh, walau bagaimanapun, melebihi bahagian cukai itu, sebagaimana yang dikira sebelum potongan itu diberikan, yang disebabkan oleh butiran pendapatan atau modal yang boleh dicukai di Bidang Kuasa Pejanji yang satu lagi itu.

3. Perenggan 2 hendaklah terpakai bagi suatu Perjanjian Cukai yang Diliputi yang selainnya menghendaki suatu Bidang Kuasa Pejanji untuk mengecualikan pendapatan atau modal yang diperihalkan dalam perenggan itu.

Opsyen B

4. Peruntukan suatu Perjanjian Cukai yang Diliputi yang selainnya mengecualikan pendapatan yang diperoleh oleh pemastautin suatu Bidang Kuasa Pejanji daripada cukai di Bidang Kuasa Pejanji itu bagi maksud penghapusan pencukaian dua kali kerana pendapatan itu dikira sebagai suatu dividen oleh Bidang Kuasa Pejanji itu adalah tidak terpakai jika pendapatan itu menimbulkan potongan bagi maksud menentukan untung boleh cukai bagi pemastautin Bidang Kuasa Pejanji yang satu lagi di bawah undang-undang Bidang Kuasa Pejanji yang satu lagi itu. Dalam hal itu, Bidang Kuasa Pejanji yang mula-mula disebut itu hendaklah membenarkan sebagai suatu potongan daripada cukai atas pendapatan pemastautin itu suatu amaun yang sama dengan cukai pendapatan yang dibayar di Bidang Kuasa Pejanji yang satu lagi itu. Potongan itu tidak boleh, walau bagaimanapun, melebihi bahagian cukai pendapatan itu, sebagaimana yang dikira sebelum potongan itu diberikan, yang disebabkan oleh pendapatan yang boleh dicukai itu di Bidang Kuasa Pejanji yang satu lagi itu.

5. Perenggan 4 hendaklah terpakai bagi suatu Perjanjian Cukai yang Diliputi yang selainnya menghendaki suatu Bidang Kuasa Pejanji untuk mengecualikan pendapatan yang diperihalkan dalam perenggan itu.

Opsyen C

6. (a) Jika pemastautin suatu Bidang Kuasa Pejanji memperoleh pendapatan atau memiliki modal yang boleh dicukai di Bidang Kuasa Pejanji yang satu lagi mengikut peruntukan suatu Perjanjian Cukai yang Diliputi (kecuali setakat peruntukan ini membenarkan pencukaian oleh Bidang Kuasa Pejanji yang satu lagi semata-mata kerana pendapatan itu juga merupakan pendapatan yang diperoleh oleh pemastautin Bidang Kuasa Pejanji yang satu lagi), Bidang Kuasa Pejanji yang mula-mula disebut itu hendaklah membenarkan:
- (i) sebagai suatu potongan daripada cukai atas pendapatan pemastautin itu, suatu amaun yang sama dengan cukai pendapatan yang dibayar di Bidang Kuasa Pejanji yang satu lagi itu;
 - (ii) sebagai suatu potongan daripada cukai atas modal pemastautin itu, suatu amaun yang sama dengan cukai modal yang dibayar di Bidang Kuasa Pejanji yang satu lagi itu. Potongan itu tidak boleh, walau bagaimanapun, melebihi bahagian cukai pendapatan atau cukai modal itu, sebagaimana yang dikira sebelum potongan itu diberikan, yang disebabkan oleh pendapatan atau modal yang boleh dicukai itu di Bidang Kuasa Pejanji yang satu lagi itu.
- (b) Jika mengikut mana-mana peruntukan Perjanjian Cukai yang Diliputi itu, pendapatan yang diperoleh atau modal yang dimiliki oleh pemastautin suatu Bidang Kuasa Pejanji adalah dikecualikan daripada cukai di Bidang Kuasa Pejanji itu, Bidang Kuasa Pejanji itu walau bagaimanapun boleh,

dalam mengira amaun cukai bagi baki pendapatan atau modal pemastautin itu, dengan mengambil kira pendapatan atau modal yang dikecualikan itu.

7. Perenggan 6 hendaklah terpakai sebagai ganti peruntukan suatu Perjanjian Cukai yang Diliputi yang, bagi maksud menghapuskan pencukaian dua kali, menghendaki suatu Bidang Kuasa Pejanji untuk mengecualikan daripada cukai di Bidang Kuasa Pejanji itu pendapatan yang diperoleh atau modal yang dimiliki oleh pemastautin Bidang Kuasa Pejanji itu yang, mengikut peruntukan Perjanjian Cukai yang Diliputi itu, boleh dicukai di Bidang Kuasa Pejanji yang satu lagi itu.

8. Suatu Pihak yang tidak memilih untuk memakai Opsyen di bawah perenggan 1 boleh mengekalkan hak bagi keseluruhan Perkara ini tidak terpakai berkenaan dengan satu atau lebih Perjanjian Cukai yang Diliputi yang dikenal pasti (atau berkenaan dengan semua Perjanjian Cukai yang Diliputinya).

9. Suatu Pihak yang tidak memilih untuk memakai Opsyen C boleh mengekalkan hak, berkenaan dengan satu atau lebih Perjanjian Cukai yang Diliputi yang dikenal pasti (atau berkenaan dengan semua Perjanjian Cukai yang Diliputinya), untuk tidak membenarkan Bidang Kuasa Pejanji yang satu lagi itu untuk memakai Opsyen C.

10. Setiap Pihak yang memilih untuk memakai Opsyen di bawah perenggan 1 hendaklah memberitahu Depositori tentang pilihan Opsyennya. Pemberitahuan itu hendaklah juga mengandungi:

- (a) dalam hal suatu Pihak yang memilih untuk memakai Opsyen A, senarai Perjanjian Cukai yang Diliputinya yang mengandungi peruntukan yang diperihalkan dalam perenggan 3, serta nombor perkara dan nombor perenggan bagi setiap peruntukan itu;
- (b) dalam hal suatu Pihak yang memilih untuk memakai Opsyen B, senarai Perjanjian Cukai yang Diliputinya yang mengandungi peruntukan

yang diperihalkan dalam perenggan 5, serta nombor perkara dan nombor perenggan bagi setiap peruntukan itu;

- (c) dalam hal suatu Pihak yang memilih untuk memakai Opsyen C, senarai Perjanjian Cukai yang Diliputinya yang mengandungi peruntukan yang diperihalkan dalam perenggan 7, serta nombor perkara dan nombor perenggan bagi setiap peruntukan itu.

Suatu Opsyen hendaklah terpakai berkenaan dengan peruntukan suatu Perjanjian Cukai yang Diliputi hanya jika Pihak yang telah memilih untuk memakai Opsyen itu telah membuat apa-apa pemberitahuan berkenaan dengan peruntukan itu.

BAHAGIAN III PENYALAHGUNAAN TRITI

Perkara 6 – Maksud suatu Perjanjian Cukai yang Diliputi

1. Suatu Perjanjian Cukai yang Diliputi hendaklah diubah suai untuk memasukkan teks mukadimah yang berikut:

“Berhasrat untuk menghapuskan pencukaian dua kali berkenaan dengan cukai yang diliputi oleh Perjanjian ini tanpa mewujudkan peluang untuk tiada pencukaian atau pencukaian yang dikurangkan melalui pelarian atau pengelakan cukai (termasuk melalui perkiraan *treaty-shopping* yang bertujuan untuk mendapatkan pelepasan yang diperuntukkan dalam perjanjian ini untuk faedah tidak langsung pemastautin bidang kuasa ketiga),”.

2. Teks yang diperihalkan dalam perenggan 1 hendaklah dimasukkan ke dalam suatu Perjanjian Cukai yang Diliputi sebagai ganti atau jika sekiranya tidak ada ayat mukadimah Perjanjian Cukai yang Diliputi yang merujuk kepada hasrat untuk menghapuskan pencukaian dua kali, sama ada atau tidak ayat itu juga merujuk kepada

hasrat untuk tidak mewujudkan peluang bagi tiada pencukaian atau pencukaian yang dikurangkan.

3. Suatu Pihak boleh juga memilih untuk memasukkan teks mukadimah yang berikut berkenaan dengan Perjanjian Cukai yang Diliputinya yang tidak mengandungi ayat mukadimah yang merujuk kepada suatu hasrat untuk membina suatu hubungan ekonomi atau meningkatkan kerjasama dalam perkara cukai:

“Berhasrat untuk terus membina hubungan ekonomi dan meningkatkan kerjasama dalam perkara cukai,”.

4. Suatu Pihak boleh mengekalkan hak bagi perenggan 1 tidak terpakai bagi Perjanjian Cukai yang Diliputinya yang telah sedia ada mengandungi ayat mukadimah yang memperihalkan hasrat Bidang Kuasa Pejanji untuk menghapuskan pencukaian dua kali tanpa mewujudkan peluang bagi tiada pencukaian atau pencukaian yang dikurangkan, sama ada ayat itu terhad kepada hal pelarian atau pengelakan cukai (termasuk melalui perkiraan *treaty-shopping* yang bertujuan untuk mendapatkan pelepasan yang diperuntukkan dalam Perjanjian Cukai yang Diliputi untuk faedah tidak langsung pemastautin bidang kuasa ketiga) atau terpakai secara meluas.

5. Setiap Pihak hendaklah memberitahu Depositori sama ada setiap Perjanjian Cukai yang Diliputinya, selain yang tergolong dalam skop reservasi di bawah perenggan 4, mengandungi ayat mukadimah yang diperihalkan dalam perenggan 2, dan jika sedemikian, teks perenggan mukadimah yang berkaitan. Jika semua Bidang Kuasa Pejanji telah membuat apa-apa pemberitahuan berkenaan dengan ayat mukadimah itu, ayat mukadimah itu hendaklah digantikan dengan teks yang diperihalkan dalam perenggan 1. Dalam hal lain, teks yang diperihalkan dalam perenggan 1 hendaklah dimasukkan sebagai tambahan kepada ayat mukadimah yang sedia ada.

6. Setiap Pihak yang memilih untuk memakai perenggan 3 hendaklah memberitahu Depositori mengenai pilihannya. Pemberitahuan itu hendaklah juga mengandungi senarai Perjanjian Cukai yang Diliputinya yang sedia ada tidak mengandungi ayat

mukadimah yang merujuk kepada suatu hasrat untuk membina hubungan ekonomi atau meningkatkan kerjasama dalam perkara cukai. Teks yang diperihalkan dalam perenggan 3 hendaklah dimasukkan ke dalam suatu Perjanjian Cukai yang Diliputi hanya jika semua Bidang Kuasa Pejanji telah memilih untuk memakai perenggan itu dan telah membuat apa-apa pemberitahuan berkenaan dengan Perjanjian Cukai yang Diliputi itu.

Perkara 7 – Pencegahan Penyalahgunaan Triti

1. Walau apa pun mana-mana peruntukan suatu Perjanjian Cukai yang Diliputi, suatu faedah di bawah Perjanjian Cukai yang Diliputi itu tidak boleh diberikan berkenaan dengan suatu butiran pendapatan atau modal jika ia adalah munasabah untuk dimuktamadkan, dengan mengambil kira semua fakta dan hal keadaan yang berkaitan, bahawa untuk mendapatkan faedah itu merupakan satu daripada tujuan utama apa-apa perkiraan atau transaksi yang menyebabkan faedah itu secara langsung atau secara tidak langsung, melainkan jika dapat dibuktikan bahawa pemberian faedah dalam hal keadaan ini adalah mengikut matlamat dan tujuan peruntukan yang berkaitan Perjanjian Cukai yang Diliputi.
2. Perenggan 1 hendaklah terpakai sebagai ganti atau jika sekiranya tidak ada peruntukan suatu Perjanjian Cukai yang Diliputi yang menafikan semua atau sebahagian daripada faedah yang boleh selainnya diperuntukkan di bawah Perjanjian Cukai yang Diliputi itu jika tujuan utama atau satu daripada tujuan utama apa-apa perkiraan atau transaksi, atau mana-mana orang yang terlibat dengan suatu perkiraan atau transaksi, adalah untuk mendapatkan faedah itu.
3. Suatu Pihak yang tidak membuat reservasi yang diperihalkan dalam subperenggan (a) perenggan 15 boleh juga memilih untuk memakai perenggan 4 berkenaan dengan Perjanjian Cukai yang Diliputinya.
4. Jika suatu faedah di bawah suatu Perjanjian Cukai yang Diliputi dinafikan terhadap seseorang di bawah peruntukan Perjanjian Cukai yang Diliputi itu

(sebagaimana yang boleh diubah suai oleh Konvensyen ini) yang menafikan semua atau sebahagian daripada faedah itu yang selainnya diperuntukkan di bawah Perjanjian Cukai yang Diliputi jika tujuan utama atau satu daripada tujuan utama apa-apa perkiraan atau transaksi, atau mana-mana orang yang terlibat dengan suatu perkiraan atau transaksi, adalah untuk mendapatkan faedah itu, pihak berkuasa berwibawa Bidang Kuasa Pejanji yang selainnya memberikan faedah ini hendaklah walau bagaimanapun menganggap orang itu sebagai berhak kepada faedah ini, atau kepada faedah lain berkenaan dengan suatu butiran pendapatan atau modal tertentu, jika pihak berkuasa berwibawa itu, atas permintaan daripada orang itu dan setelah mempertimbangkan fakta dan hal keadaan yang berkaitan, menentukan bahawa faedah itu diberikan kepada orang itu jika sekiranya tidak ada transaksi atau perkiraan itu. Pihak berkuasa berwibawa Bidang Kuasa Pejanji yang menerima suatu permintaan yang dibuat di bawah perenggan ini oleh pemastautin Bidang Kuasa Pejanji yang satu lagi hendaklah berunding dengan pihak berkuasa berwibawa Bidang Kuasa Pejanji yang satu lagi itu sebelum menolak permintaan itu.

5. Perenggan 4 hendaklah terpakai bagi peruntukan suatu Perjanjian Cukai yang Diliputi (sebagaimana yang boleh diubah suai oleh Konvensyen ini) yang menafikan semua atau sebahagian daripada faedah yang selainnya diperuntukkan di bawah Perjanjian Cukai yang Diliputi jika tujuan utama atau satu daripada tujuan utama apa-apa perkiraan atau transaksi, atau mana-mana orang yang terlibat dengan suatu perkiraan atau transaksi, adalah untuk mendapatkan faedah itu.

6. Suatu Pihak boleh juga memilih untuk memakai peruntukan yang terkandung dalam perenggan 8 hingga 13 (selepas daripada ini disebut “Peruntukan Pengehadan Faedah Diringkaskan”) kepada Perjanjian Cukai yang Diliputinya dengan membuat pemberitahuan yang diperihalkan dalam subperenggan (c) perenggan 17. Peruntukan Pengehadan Faedah Diringkaskan hendaklah terpakai berkenaan dengan suatu Perjanjian Cukai yang Diliputi hanya jika semua Bidang Kuasa Pejanji telah memilih untuk memakainya.

7. Dalam hal jika sebahagian tetapi bukan semua Bidang Kuasa Pejanji kepada suatu Perjanjian Cukai yang Diliputi memilih untuk memakai Peruntukan Pengehadan Faedah Diringkaskan menurut perenggan 6, maka, walau apa pun peruntukan perenggan itu, Peruntukan Pengehadan Faedah Diringkaskan hendaklah terpakai berkenaan dengan pemberian faedah di bawah Perjanjian Cukai yang Diliputi itu:

- (a) oleh semua Bidang Kuasa Pejanji, jika semua Bidang Kuasa Pejanji itu tidak memilih menurut perenggan 6 untuk memakai Peruntukan Pengehadan Faedah Diringkaskan bersetuju dengan pemakaian itu dengan memilih untuk memakai subperenggan ini dan memberitahu Depositori dengan sewajarnya; atau
- (b) hanya oleh Bidang Kuasa Pejanji yang memilih untuk memakai Peruntukan Pengehadan Faedah Diringkaskan itu, jika semua Bidang Kuasa Pejanji itu tidak memilih menurut perenggan 6 untuk memakai Peruntukan Pengehadan Faedah Diringkaskan bersetuju dengan pemakaian itu dengan memilih untuk memakai subperenggan ini dan memberitahu Depositori dengan sewajarnya.

Peruntukan Pengehadan Faedah Diringkaskan

8. Kecuali sebagaimana diperuntukkan selainnya dalam Peruntukan Pengehadan Faedah Diringkaskan itu, pemastautin suatu Bidang Kuasa Pejanji kepada suatu Perjanjian Cukai yang Diliputi adalah tidak berhak bagi suatu faedah yang selainnya diberikan oleh Perjanjian Cukai yang Diliputi itu, selain suatu faedah di bawah peruntukan Perjanjian Cukai yang Diliputi itu:

- (a) yang menentukan pemastautinan seseorang selain individu yang merupakan pemastautin lebih daripada satu Bidang Kuasa Pejanji disebabkan oleh peruntukan Perjanjian Cukai yang Diliputi itu yang mentakrifkan pemastautin suatu Bidang Kuasa Pejanji;

- (b) yang memperuntukkan bahawa suatu Bidang Kuasa Pejanji akan memberikan kepada suatu perusahaan Bidang Kuasa Pejanji itu suatu pelarasan yang bersamaan susulan daripada suatu pelarasan awal yang dibuat oleh Bidang Kuasa Pejanji yang satu lagi, mengikut Perjanjian Cukai yang Diliputi itu, atas amaun cukai yang dikenakan di Bidang Kuasa Pejanji yang mula-mula disebut bagi suatu keuntungan perusahaan bersekutu; atau
- (c) yang membenarkan pemastautin suatu Bidang Kuasa Pejanji untuk meminta pihak berkuasa berwibawa Bidang Kuasa Pejanji itu mempertimbang kes pencukaaian yang tidak mengikut Perjanjian Cukai yang Diliputi itu,

melainkan jika pemastautin itu ialah “orang yang layak”, sebagaimana yang ditakrifkan dalam perenggan 9 pada masa faedah itu akan diberikan.

9. Seorang pemastautin suatu Bidang Kuasa Pejanji kepada suatu Perjanjian Cukai yang Diliputi hendaklah merupakan orang yang layak pada masa suatu faedah selainnya diberikan oleh Perjanjian Cukai yang Diliputi jika, pada masa itu, pemastautin itu ialah:

- (a) seorang individu;
- (b) Bidang Kuasa Pejanji itu, atau suatu subbahagian politik atau pihak berkuasa tempatannya, atau suatu agensi atau bantuan mana-mana Bidang Kuasa Pejanji, subbahagian politik atau pihak berkuasa tempatan itu;
- (c) suatu syarikat atau entiti lain, jika kelas syernya yang utama itu didagang secara tetap di satu atau lebih bursa saham yang teriktiraf;
- (d) orang, selain individu, yang:

- (i) merupakan suatu jenis organisasi tanpa untung yang dipersetujui oleh Bidang Kuasa Pejanji itu melalui pertukaran nota diplomatik; atau
 - (ii) merupakan suatu entiti atau perkiraan yang ditubuhkan di Bidang Kuasa Pejanji itu yang dikira sebagai orang berasingan di bawah undang-undang pencukaian Bidang Kuasa Pejanji itu dan:
 - (A) yang ditubuhkan dan beroperasi secara eksklusif atau secara hampir eksklusif untuk mentadbir atau menyediakan faedah persaraan dan faedah sampingan atau dampingan bagi individu dan yang dikawal selia oleh Bidang Kuasa Pejanji itu atau satu daripada subbahagian politik atau pihak berkuasa tempatannya; atau
 - (B) yang ditubuhkan dan beroperasi secara eksklusif atau secara hampir eksklusif untuk melaburkan dana bagi faedah entiti atau perkiraan yang disebut dalam subbahagian (A);
 - (e) orang selain individu, jika, sekurang-kurangnya separuh daripada tempoh dua belas bulan yang termasuklah masa yang faedah itu selainnya diberikan, orang yang merupakan pemastautin Bidang Kuasa Pejanji itu dan yang berhak kepada faedah Perjanjian Cukai yang Diliputi itu di bawah subperenggan (a) hingga (d) memiliki, secara langsung atau secara tidak langsung, sekurang-kurangnya 50 peratus syer orang itu.
10. (a) Seorang pemastautin suatu Bidang Kuasa Pejanji kepada suatu Perjanjian Cukai yang Diliputi berhak kepada faedah Perjanjian Cukai yang Diliputi itu berkenaan dengan butiran pendapatan yang diperoleh daripada Bidang Kuasa Pejanji yang satu lagi, tidak kira sama ada pemastautin itu merupakan orang yang layak, jika pemastautin itu terlibat dalam penjalanan perniagaan yang aktif di Bidang Kuasa Pejanji yang mula-mula

disebut, dan pendapatan yang diperoleh daripada Bidang Kuasa Pejanji yang satu lagi yang muncul daripada, atau bersampingan dengan, perniagaan itu. Bagi maksud Peruntukan Pengehadan Faedah Diringkaskan, istilah “penjalanan suatu perniagaan yang aktif” tidak termasuk aktiviti yang berikut atau mana-mana gabungannya:

- (i) beroperasi sebagai suatu syarikat pemegang;
 - (ii) menyediakan penyeliaan atau pentadbiran keseluruhan suatu kumpulan syarikat;
 - (iii) menyediakan pembiayaan kumpulan (termasuk pengumpulan tunai); atau
 - (iv) membuat atau mengurus pelaburan, melainkan jika aktiviti-aktiviti ini dijalankan oleh suatu bank, syarikat insurans atau peniaga sekuriti berdaftar dalam perjalanan biasa perniagaannya.
- (b) Jika pemastautin suatu Bidang Kuasa Pejanji suatu Perjanjian Cukai yang Diliputi memperoleh suatu butiran pendapatan daripada suatu aktiviti perniagaan yang dijalankan oleh pemastautin di Bidang Kuasa Pejanji yang satu lagi itu, atau memperoleh suatu butiran pendapatan yang timbul di Bidang Kuasa Pejanji yang lain daripada orang berkaitan, syarat yang diperihalkan dalam subperenggan (a) hendaklah dianggap dipenuhi berkenaan dengan butiran itu hanya jika aktiviti perniagaan yang dijalankan oleh pemastautin itu di Bidang Kuasa Pejanji yang mula-mula disebut yang dengannya butiran itu berkaitan adalah substansial berhubung dengan aktiviti yang sama atau suatu aktiviti perniagaan pelengkap yang dijalankan oleh pemastautin itu atau orang berkaitan itu di Bidang Kuasa Pejanji yang satu lagi itu. Sama ada suatu aktiviti perniagaan adalah substansial bagi maksud subperenggan ini hendaklah ditentukan berdasarkan semua fakta dan hal keadaan.

- (c) Bagi maksud pemakaian perenggan ini, aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh orang berkaitan berkenaan dengan pemastautin Bidang Kuasa Pejanji kepada suatu Perjanjian Cukai yang Diliputi hendaklah dianggap dijalankan oleh pemastautin itu.

11. Seorang pemastautin suatu Bidang Kuasa Pejanji kepada suatu Perjanjian Cukai yang Diliputi yang bukan merupakan orang yang layak juga berhak kepada suatu faedah yang selainnya diberikan oleh Perjanjian Cukai yang Diliputi berkenaan dengan suatu butiran pendapatan jika, sekurang-kurangnya separuh daripada mana-mana tempoh dua belas bulan yang termasuklah masa apabila faedah itu selainnya diberikan, orang yang merupakan benefisiari setara yang memiliki, secara langsung atau secara tidak langsung, sekurang-kurangnya 75 peratus kepentingan berfaedah pemastautin itu.

12. Jika pemastautin suatu Bidang Kuasa Pejanji kepada suatu Perjanjian Cukai yang Diliputi bukan merupakan orang yang layak menurut peruntukan perenggan 9, dan juga tidak berhak kepada faedah di bawah perenggan 10 atau 11, pihak berkuasa berwibawa Bidang Kuasa Pejanji yang satu lagi itu boleh, walau bagaimanapun, memberikan faedah Perjanjian Cukai yang Diliputi itu, atau faedah berkenaan dengan suatu butiran pendapatan tertentu, dengan mengambil kira matlamat dan tujuan Perjanjian Cukai yang Diliputi itu, tetapi hanya jika pemastautin itu membuktikan sehingga memuaskan hati pihak berkuasa berwibawa itu bahawa tidak satupun penubuhan, perolehan atau penyenggaraannya, mahupun pengendalian operasinya, mempunyai salah satu tujuan utama untuk mendapatkan faedah di bawah Perjanjian Cukai yang Diliputi itu. Sebelum memberikan atau menafikan suatu permintaan yang dibuat di bawah perenggan ini oleh pemastautin suatu Bidang Kuasa Pejanji, pihak berkuasa berwibawa Bidang Kuasa Pejanji yang satu lagi itu yang kepadanya permintaan itu dibuat hendaklah berunding dengan pihak berkuasa berwibawa Bidang Kuasa Pejanji yang mula-mula disebut.

13. Bagi maksud Peruntukan Pengehadan Faedah Diringkaskan:

- (a) istilah "bursa saham teriktiraf" ertinya:

- (i) mana-mana bursa saham yang ditubuhkan dan dikawal selia sedemikian di bawah undang-undang mana-mana Bidang Kuasa Pejanji; dan
 - (ii) mana-mana bursa saham lain yang dipersetujui oleh pihak berkuasa berwibawa Bidang Kuasa Pejanji;
- (b) istilah “kelas syer utama” ertinya kelas atau kelas-kelas syer suatu syarikat yang mewakili undi agregat majoriti dan nilai syarikat atau kelas atau kelas-kelas kepentingan bermanfaat suatu entiti yang mewakili agregat suatu undi agregat majoriti dan nilai entiti itu;
- (c) istilah “benefisiari setara” ertinya mana-mana orang yang berhak kepada faedah berkenaan dengan suatu butiran pendapatan yang diberikan oleh suatu Bidang Kuasa Pejanji kepada suatu Perjanjian Cukai yang Diliputi di bawah undang-undang domestik Bidang Kuasa Pejanji itu, Perjanjian Cukai yang Diliputi itu atau mana-mana surat cara antarabangsa lain yang setara dengan, atau lebih menguntungkan daripada, faedah yang diberikan kepada butiran pendapatan di bawah Perjanjian Cukai yang Diliputi itu; bagi maksud menentukan sama ada orang itu adalah benefisiari setara berkenaan dengan dividen, orang itu hendaklah disifatkan memegang modal yang sama bagi syarikat yang membayar dividen sebagaimana modal bagi syarikat yang menuntut faedah berkenaan dengan dividen yang dipegang itu;
- (d) berkenaan dengan entiti yang bukan syarikat, istilah “syer” ertinya kepentingan yang sebanding dengan syer;
- (e) dua orang merupakan “orang berkaitan” jika seorang memiliki, secara langsung atau secara tidak langsung, sekurang-kurangnya 50 peratus kepentingan bermanfaat dalam orang yang satu lagi itu (atau, dalam hal suatu syarikat, sekurang-kurangnya 50 peratus undi agregat dan

nilai syer syarikat itu) atau orang yang satu lagi itu memiliki, secara langsung atau secara tidak langsung, sekurang-kurangnya 50 peratus kepentingan bermanfaat (atau, dalam hal suatu syarikat, sekurang-kurangnya 50 peratus undi agregat dan nilai syer syarikat itu) dalam setiap orang; dalam apa jua hal, seseorang hendaklah mempunyai kaitan dengan orang yang satu lagi itu jika, berdasarkan semua fakta dan hal keadaan yang berkaitan, seseorang mempunyai kawalan terhadap orang yang satu lagi itu atau kedua-duanya di bawah kawalan orang yang sama.

14. Peruntukan Pengehadan Faedah Diringkaskan hendaklah terpakai sebagai ganti atau jika sekiranya tidak ada peruntukan suatu Perjanjian Cukai yang Diliputi yang akan mengehendkan faedah Perjanjian Cukai yang Diliputi itu (atau yang akan mengehendkan faedah selain suatu faedah di bawah peruntukan Perjanjian Cukai yang Diliputi itu yang berhubungan dengan pemastautinan, perusahaan bersekutu atau tak berdiskriminasi atau suatu faedah yang tidak dihadkan semata-mata kepada pemastautin suatu Bidang Kuasa Pejanji) hanya kepada pemastautin yang layak bagi faedah itu dengan memenuhi satu atau lebih ujian berkategori.

15. Suatu Pihak boleh mengekalkan hak:

- (a) bagi perenggan 1 tidak terpakai bagi Perjanjian Cukai yang Diliputinya dengan asas bahawa ia berhasrat untuk menggunakan pakai suatu kombinasi peruntukan pengehadan faedah terperinci dan sama ada kaedah-kaedah untuk menyatakan struktur pembiayaan konduit atau ujian tujuan utama, dengan itu memenuhi standard minimum untuk menghalang penyalahgunaan triti di bawah pakej BEPS OECD/G20; dalam hal itu, Bidang Kuasa Pejanji hendaklah berusaha untuk mencapai penyelesaian yang saling memuaskan hati yang memenuhi standard minimum itu;
- (b) bagi perenggan 1 (dan perenggan 4, dalam hal suatu Pihak yang memilih untuk memakai perenggan itu) tidak terpakai bagi Perjanjian Cukai yang

Diliputinya yang telah sedia ada mengandungi peruntukan yang menafikan semua faedah yang selainnya diperuntukkan di bawah Perjanjian Cukai yang Diliputi itu jika tujuan utama atau satu daripada tujuan-tujuan utama apa-apa perkiraan atau transaksi, atau mana-mana orang yang terlibat dengan suatu perkiraan atau transaksi, adalah untuk mendapatkan faedah itu;

- (c) bagi Peruntukan Pengehadan Faedah Diringkaskan itu tidak terpakai bagi Perjanjian Cukai yang Diliputinya yang telah sedia mengandungi peruntukan yang diperihalkan dalam perenggan 14.

16. Kecuali jika Peruntukan Pengehadan Faedah Diringkaskan itu terpakai berkenaan dengan pemberian faedah di bawah suatu Perjanjian Cukai yang Diliputi oleh satu atau lebih Pihak menurut perenggan 7, suatu Pihak yang memilih menurut perenggan 6 untuk memakai Peruntukan Pengehadan Faedah Diringkaskan itu boleh mengekalkan hak bagi keseluruhan Perkara ini tidak terpakai berkenaan dengan Perjanjian Cukai yang Diliputinya yang satu atau lebih Bidang Kuasa Pejanji yang satu lagi tidak memilih untuk memakai Peruntukan Pengehadan Faedah Diringkaskan itu. Dalam hal itu, Bidang Kuasa Pejanji hendaklah berusaha untuk mencapai penyelesaian yang saling memuaskan hati yang memenuhi standard minimum untuk menghalang penyalahgunaan triti di bawah pakej BEPS OECD/G20.

17. (a) Setiap Pihak yang tidak membuat reservasi yang diperihalkan dalam subperenggan (a) perenggan 15 hendaklah memberitahu Depositori sama ada setiap Perjanjian Cukai yang Diliputinya yang tidak tertakluk kepada reservasi yang diperihalkan dalam subperenggan (b) perenggan 15 yang mengandungi peruntukan yang diperihalkan dalam perenggan 2, dan jika sedemikian, nombor perkara dan nombor perenggan setiap peruntukan itu. Jika semua Bidang Kuasa Pejanji telah membuat apa-apa pemberitahuan berkenaan dengan peruntukan Perjanjian Cukai yang Diliputi, peruntukan itu hendaklah digantikan dengan peruntukan perenggan 1 (dan jika terpakai, perenggan 4). Dalam hal lain, perenggan 1

(dan jika terpakai, perenggan 4) hendaklah menggantikan peruntukan Perjanjian Cukai yang Diliputi itu hanya setakat peruntukan yang tidak selaras dengan perenggan 1 (dan jika terpakai, perenggan 4). Suatu Pihak yang membuat pemberitahuan di bawah subperenggan ini boleh juga memasukkan suatu pernyataan bahawa walaupun Pihak itu menerima pemakaian perenggan 1 sahaja sebagai suatu tindakan sementara, ia berhasrat jika boleh untuk menerima pakai suatu peruntukan pengehadan faedah, sebagai tambahan kepada atau penggantian perenggan 1, melalui rundingan dua hala.

- (b) Setiap Pihak yang memilih untuk memakai perenggan 4 hendaklah memberitahu Depositori akan pilihannya. Perenggan 4 hendaklah terpakai bagi suatu Perjanjian Cukai yang Diliputi hanya jika semua Bidang Kuasa Pejanji telah membuat pemberitahuan itu.
- (c) Setiap Pihak yang memilih untuk memakai Peruntukan Pengehadan Faedah Diringkaskan menurut perenggan 6 hendaklah memberitahu Depositori akan pilihannya. Melainkan jika Pihak itu telah membuat reservasi yang diperihalkan dalam subperenggan (c) perenggan 15, pemberitahuan itu hendaklah juga mengandungi senarai Perjanjian Cukai yang Diliputinya yang mengandungi peruntukan yang diperihalkan dalam perenggan 14, serta nombor perkara dan nombor perenggan setiap peruntukan itu.
- (d) Setiap Pihak yang tidak memilih untuk memakai Peruntukan Pengehadan Faedah Diringkaskan menurut perenggan 6, tetapi memilih untuk memakai sama ada subperenggan (a) atau (b) perenggan 7 hendaklah memberitahu Depositori akan subperenggan pilihannya. Melainkan jika Pihak itu telah membuat reservasi yang diperihalkan dalam subperenggan (c) perenggan 15, pemberitahuan itu hendaklah juga mengandungi senarai Perjanjian Cukai yang Diliputinya yang

mengandungi peruntukan yang diperihalkan dalam perenggan 14, serta nombor perkara dan nombor perenggan setiap peruntukan itu.

- (e) Jika semua Bidang Kuasa Pejanji telah membuat suatu pemberitahuan di bawah subperenggan (c) atau (d) berkenaan dengan suatu peruntukan Perjanjian Cukai yang Diliputi, peruntukan itu hendaklah digantikan dengan Peruntukan Pengehadan Faedah Diringkaskan itu. Dalam hal lain, Peruntukan Pengehadan Faedah Diringkaskan itu hendaklah menggantikan peruntukan Perjanjian Cukai yang Diliputi hanya setakat peruntukan itu yang tidak selaras dengan Peruntukan Pengehadan Faedah Diringkaskan itu.

Perkara 8 – Transaksi Pindahan Dividen

1. Peruntukan suatu Perjanjian Cukai yang Diliputi yang mengecualikan dividen yang dibayar oleh suatu syarikat yang merupakan pemastautin suatu Bidang Kuasa Pejanji daripada cukai atau yang mengehadkan kadar yang dividen itu boleh dicukaikan, dengan syarat bahawa pemunya benefisial atau penerima adalah suatu syarikat yang merupakan pemastautin Bidang Kuasa Pejanji yang satu lagi dan yang memiliki, memegang atau mengawal lebih daripada amaun tertentu modal, syer, saham, kuasa mengundi, hak mengundi atau kepentingan pemilikan yang sama dalam syarikat yang membayar dividen itu, hendaklah terpakai hanya sekiranya syarat pemilikan yang diperihalkan dalam peruntukan itu dipenuhi sepanjang tempoh 365 hari yang termasuklah hari pembayaran dividen itu (bagi maksud pengiraan tempoh itu, tiada akaun boleh mengambil kira perubahan pemilikan yang secara langsung disebabkan oleh suatu penyusunan semula syarikat, contohnya suatu penggabungan atau penyusunan semula secara pemecahan, syarikat yang memegang syer atau yang membayar dividen itu).

2. Tempoh pemegangan minimum yang diperuntukkan dalam perenggan 1 hendaklah terpakai sebagai ganti atau jika sekiranya tidak ada suatu tempoh

pemegangan minimum dalam peruntukan suatu Perjanjian Cukai yang Diliputi yang diperihalkan dalam perenggan 1.

3. Suatu Pihak boleh mengekalkan hak:
 - (a) bagi keseluruhan Perkara ini tidak terpakai bagi Perjanjian Cukai yang Diliputinya;
 - (b) bagi keseluruhan Perkara ini tidak terpakai bagi Perjanjian Cukai yang Diliputinya setakat peruntukan yang diperihalkan dalam perenggan 1 yang telah sedia ada mengandungi:
 - (i) suatu tempoh pemegangan minimum;
 - (ii) suatu tempoh pemegangan minimum yang lebih pendek daripada tempoh 365 hari; atau
 - (iii) suatu tempoh pemegangan minimum yang lebih panjang daripada tempoh 365 hari.

4. Setiap Pihak yang tidak membuat reservasi yang diperihalkan dalam subperenggan (a) perenggan 3 hendaklah memberitahu Depositori sama ada setiap Perjanjian Cukai yang Diliputinya mengandungi peruntukan yang diperihalkan dalam perenggan 1 yang tidak tertakluk kepada reservasi yang diperihalkan dalam subperenggan (b) perenggan 3, dan jika sedemikian, nombor perkara dan nombor perenggan setiap peruntukan itu. Perenggan 1 hendaklah terpakai berkenaan dengan suatu peruntukan Perjanjian Cukai yang Diliputi hanya jika semua Bidang Kuasa Pejanji telah membuat apa-apa pemberitahuan berkenaan dengan peruntukan itu.

Perkara 9 – Laba Modal daripada Pemberimilikan Syer atau Kepentingan Entiti yang Nilai Utamanya Diperoleh daripada Harta Tak Alih

1. Peruntukan suatu Perjanjian Cukai yang Diliputi yang memperuntukkan bahawa laba yang diperoleh oleh pemastautin suatu Bidang Kuasa Pejanji daripada pemberimilikan syer atau hak penyertaan lain dalam suatu entiti boleh dicukai di Bidang Kuasa Pejanji yang satu lagi dengan syarat bahawa syer atau hak itu memperoleh lebih daripada suatu bahagian tertentu nilainya daripada harta tak alih (harta tanah) yang terletak di Bidang Kuasa Pejanji yang satu lagi [atau yang memperuntukkan bahawa lebih daripada suatu bahagian tertentu harta entiti itu yang terdiri daripada harta tak alih (harta tanah) itu]:

(a) hendaklah terpakai jika ambang nilai yang berkaitan itu dipenuhi pada bila-bila masa sepanjang tempoh 365 hari sebelum pemberimilikan itu; dan

(b) hendaklah terpakai bagi syer atau kepentingan yang sebanding, contohnya kepentingan dalam suatu perkongsian atau amanah (setakat syer atau kepentingan itu yang tidak sedia ada diliputi) sebagai tambahan kepada mana-mana syer atau hak yang sedia ada diliputi oleh peruntukan itu.

2. Tempoh yang diperuntukkan dalam subperenggan (a) perenggan 1 hendaklah terpakai sebagai ganti atau jika sekiranya tidak ada suatu tempoh masa untuk menentukan sama ada ambang nilai yang berkaitan itu dalam peruntukan suatu Perjanjian Cukai yang Diliputi yang diperihalkan dalam perenggan 1 telah dipenuhi.

3. Suatu Pihak boleh juga memilih untuk memakai perenggan 4 berkenaan dengan Perjanjian Cukai yang Diliputinya.

4. Bagi maksud suatu Perjanjian Cukai yang Diliputi, laba yang diperoleh oleh pemastautin suatu Bidang Kuasa Pejanji daripada pemberimilikan syer atau kepentingan

yang sebanding, contohnya kepentingan dalam suatu perkongsian atau amanah, boleh dicukai di Bidang Kuasa Pejanji yang satu lagi jika, pada bila-bila masa sepanjang tempoh 365 hari sebelum pemberimilikan itu, syer atau kepentingan sebanding itu memperoleh lebih daripada 50 peratus daripada nilainya secara langsung atau secara tidak langsung daripada harta tak alih (harta tanah) yang terletak di Bidang Kuasa Pejanji yang satu lagi itu.

5. Perenggan 4 hendaklah terpakai sebagai ganti atau jika sekiranya tidak ada peruntukan dalam suatu Perjanjian Cukai yang Diliputi yang memperuntukkan bahawa laba yang diperoleh oleh pemastautin suatu Bidang Kuasa Pejanji daripada pemberimilikan syer atau hak penyertaan lain dalam suatu entiti yang boleh dicukai di Bidang Kuasa Pejanji yang satu lagi dengan syarat bahawa syer atau hak itu memperoleh lebih daripada suatu bahagian tertentu nilainya daripada harta tak alih (harta tanah) yang terletak di Bidang Kuasa Pejanji yang satu lagi, atau yang memperuntukkan bahawa lebih daripada suatu bahagian tertentu harta entiti itu terdiri daripada harta tak alih (harta tanah) itu.

6. Suatu Pihak boleh mengekalkan hak:

- (a) bagi perenggan 1 tidak terpakai bagi Perjanjian Cukai yang Diliputinya;
- (b) bagi subperenggan (a) perenggan 1 tidak terpakai bagi Perjanjian Cukai yang Diliputinya;
- (c) bagi subperenggan (b) perenggan 1 tidak terpakai bagi Perjanjian Cukai yang Diliputinya;
- (d) bagi subperenggan (a) perenggan 1 tidak terpakai bagi Perjanjian Cukai yang Diliputinya yang telah sedia ada mengandungi suatu peruntukan yang jenisnya diperihalkan dalam perenggan 1 yang termasuklah suatu tempoh untuk menentukan sama ada ambang nilai yang berkaitan telah dipenuhi;

- (e) bagi subperenggan (b) perenggan 1 tidak terpakai bagi Perjanjian Cukai yang Diliputinya yang telah sedia ada mengandungi suatu peruntukan yang jenisnya diperihalkan dalam perenggan 1 yang terpakai bagi pemberimilikan kepentingan selain syer;
- (f) bagi perenggan 4 tidak terpakai bagi Perjanjian Cukai yang Diliputinya yang telah sedia ada mengandungi peruntukan yang diperihalkan dalam perenggan 5.

7. Setiap Pihak yang tidak membuat reservasi yang diperihalkan dalam subperenggan (a) perenggan 6 hendaklah memberitahu Depositori sama ada setiap Perjanjian Cukai yang Diliputinya mengandungi peruntukan yang diperihalkan dalam perenggan 1, dan jika sedemikian, nombor perkara dan nombor perenggan setiap peruntukan itu. Perenggan 1 hendaklah terpakai berkenaan dengan peruntukan suatu Perjanjian Cukai yang Diliputi hanya jika semua Bidang Kuasa Pejanji telah membuat apa-apa pemberitahuan berkenaan dengan peruntukan itu.

8. Setiap Pihak yang memilih untuk memakai perenggan 4 hendaklah memberitahu Depositori akan pilihannya. Perenggan 4 hendaklah terpakai bagi suatu Perjanjian Cukai yang Diliputi hanya jika semua Bidang Kuasa Pejanji telah membuat apa-apa pemberitahuan. Dalam hal itu, perenggan 1 tidak terpakai berkenaan dengan Perjanjian Cukai yang Diliputi itu. Dalam hal suatu Pihak yang tidak membuat reservasi yang diperihalkan dalam subperenggan (f) perenggan 6 dan telah membuat reservasi yang diperihalkan dalam subperenggan (a) perenggan 6, pemberitahuan itu hendaklah juga termasuk senarai Perjanjian Cukai yang Diliputinya yang mengandungi peruntukan yang diperihalkan dalam perenggan 5, serta nombor perkara dan nombor perenggan setiap peruntukan itu. Jika semua Bidang Kuasa Pejanji telah membuat apa-apa pemberitahuan berkenaan dengan peruntukan suatu Perjanjian Cukai yang Diliputi di bawah perenggan ini atau perenggan 7, peruntukan itu hendaklah digantikan dengan peruntukan perenggan 4. Dalam hal lain, perenggan 4 hendaklah menggantikan peruntukan Perjanjian Cukai yang Diliputi hanya setakat peruntukan itu yang tidak selaras dengan perenggan 4.

Perkara 10 – Kaedah Antipenyalahgunaan bagi Establismen Tetap yang Terletak di Bidang Kuasa Ketiga

1. Jika:

- (a) suatu perusahaan Bidang Kuasa Pejanji kepada suatu Perjanjian Cukai yang Diliputi memperoleh pendapatan dari Bidang Kuasa Pejanji yang satu lagi dan Bidang Kuasa Pejanji yang mula-mula disebut itu menganggap pendapatan itu sebagai disebabkan oleh suatu establismen tetap perusahaan itu yang terletak di suatu bidang kuasa ketiga; dan
- (b) keuntungan yang disebabkan oleh establismen tetap itu dikecualikan daripada cukai di Bidang Kuasa Pejanji yang mula-mula disebut,

faedah Perjanjian Cukai yang Diliputi itu hendaklah tidak terpakai bagi apa-apa butiran pendapatan yang cukai di bidang kuasa ketiga ialah 60 peratus kurang daripada cukai yang boleh dikenakan di Bidang Kuasa Pejanji yang mula-mula disebut itu atas butiran pendapatan jika establismen tetap itu terletak di Bidang Kuasa Pejanji yang mula-mula disebut itu. Dalam hal itu, apa-apa pendapatan yang peruntukan perenggan ini terpakai hendaklah terus boleh dicukai mengikut undang-undang domestik Bidang Kuasa Pejanji yang satu lagi, walau apa pun mana-mana peruntukan lain Perjanjian Cukai yang Diliputi itu.

2. Perenggan 1 tidak terpakai jika pendapatan yang diperoleh dari Bidang Kuasa Pejanji yang satu lagi yang diperihalkan dalam perenggan 1 diperoleh berkaitan dengan atau berdampingan dengan perjalanan perniagaan yang aktif yang dijalankan melalui establismen tetap itu (selain perniagaan membuat, mengurus atau hanya memegang pelaburan bagi akaun perusahaan itu sendiri, melainkan jika aktiviti-aktiviti itu ialah perbankan, insurans atau aktiviti-aktiviti sekuriti yang dijalankan oleh suatu bank, perusahaan insuran atau peniaga sekuriti berdaftar, masing-masingnya).

3. Jika faedah di bawah suatu Perjanjian Cukai yang Diliputi dinafikan menurut perenggan 1 berkenaan dengan suatu butiran pendapatan yang diperoleh oleh pemastautin suatu Bidang Kuasa Pejanji, pihak berkuasa berwibawa Bidang Kuasa Pejanji yang satu lagi boleh, walau bagaimanapun, memberikan faedah ini berkenaan dengan butiran pendapatan itu jika, dalam bertindak balas terhadap suatu permintaan oleh pemastautin itu, pihak berkuasa berwibawa itu menentukan bahawa pemberian faedah itu adalah wajar atas sebab pemastautin itu tidak memenuhi kehendak perenggan 1 dan 2. Pihak berkuasa berwibawa Bidang Kuasa Pejanji itu yang kepadanya suatu permintaan dibuat di bawah ayat terdahulu oleh pemastautin Bidang Kuasa Pejanji yang satu lagi hendaklah berunding dengan pihak berkuasa berwibawa Bidang Kuasa Pejanji yang satu lagi itu sebelum memberikan atau menafikan permintaan itu.

4. Perenggan 1 hingga 3 hendaklah terpakai sebagai ganti atau jika sekiranya tidak ada peruntukan suatu Perjanjian Cukai yang Diliputi yang menafikan atau menghadkan faedah yang selainnya diberikan kepada suatu perusahaan Bidang Kuasa Pejanji yang memperoleh pendapatan dari Bidang Kuasa Pejanji yang satu lagi yang disebabkan oleh suatu establismen tetap perusahaan itu yang terletak di suatu bidang kuasa ketiga.

5. Suatu Pihak boleh mengekalkan hak:

- (a) bagi keseluruhan Perkara ini tidak terpakai bagi Perjanjian Cukai yang Diliputinya;
- (b) bagi keseluruhan Perkara ini tidak terpakai bagi Perjanjian Cukai yang Diliputinya yang telah sedia ada mengandungi peruntukan yang diperihalkan dalam perenggan 4;
- (c) bagi Perkara ini terpakai hanya bagi Perjanjian Cukai yang Diliputinya yang telah sedia ada mengandungi peruntukan yang diperihalkan dalam perenggan 4.

6. Setiap Pihak yang tidak membuat reservasi yang diperihalkan dalam subperenggan (a) atau (b) perenggan 5 hendaklah memberitahu Depositori sama ada setiap Perjanjian Cukai yang Diliputinya mengandungi peruntukan yang diperihalkan dalam perenggan 4, dan jika sedemikian, nombor perkara dan nombor perenggan setiap peruntukan itu. Jika semua Bidang Kuasa Pejanji telah membuat apa-apa pemberitahuan berkenaan dengan peruntukan suatu Perjanjian Cukai yang Diliputi, peruntukan itu hendaklah digantikan dengan peruntukan perenggan 1 hingga 3. Dalam hal lain, perenggan 1 hingga 3 hendaklah menggantikan peruntukan Perjanjian Cukai yang Diliputi hanya setakat peruntukan itu yang tidak selaras dengan perenggan itu.

Perkara 11 – Pemakaian Perjanjian Cukai untuk Menyekat Hak suatu Pihak untuk Mengenakan Cukai terhadap Pemastautinnya Sendiri

1. Suatu Perjanjian Cukai yang Diliputi tidak boleh menjejaskan pencukaian oleh suatu Bidang Kuasa Pejanji terhadap pemastautinnya, kecuali berkenaan dengan faedah yang diberikan di bawah peruntukan Perjanjian Cukai yang Diliputi itu:

- (a) yang menghendaki Bidang Kuasa Pejanji untuk memberikan perusahaan Bidang Kuasa Pejanji itu suatu pelarasan korelatif atau sepadan berikutan dengan suatu pelarasan awal yang dibuat oleh Bidang Kuasa Pejanji yang satu lagi, mengikut Perjanjian Cukai yang Diliputi itu, kepada amaun cukai yang dikenakan di Bidang Kuasa Pejanji yang mula-mula disebut itu atas keuntungan suatu establismen tetap perusahaan atau keuntungan perusahaan bersekutu;
- (b) yang boleh menjejaskan cara Bidang Kuasa Pejanji itu mengenakan cukai terhadap individu yang merupakan pemastautin Bidang Kuasa Pejanji itu jika individu itu memperoleh pendapatan berkenaan dengan perkhidmatan yang diberikan kepada Bidang Kuasa Pejanji yang satu lagi atau suatu subbahagian politik atau pihak berkuasa tempatan atau badan lain yang sebanding dengannya;

- (c) yang boleh menjejaskan cara Bidang Kuasa Pejanji itu mengenakan cukai terhadap individu yang merupakan pemastautin Bidang Kuasa Pejanji itu jika individu itu juga ialah pelajar, perantis perniagaan atau pelatih, atau guru, profesor, pensyarah, pengajar, penyelidik atau pakar penyelidik yang memenuhi syarat Perjanjian Cukai yang Diliputi itu;
- (d) yang menghendaki Bidang Kuasa Pejanji itu untuk memberikan suatu kredit cukai atau pengecualian cukai kepada pemastautin Bidang Kuasa Pejanji itu berkenaan dengan pendapatan yang Bidang Kuasa Pejanji yang satu lagi itu boleh mengenakan cukai mengikut Perjanjian Cukai yang Diliputi (termasuk keuntungan yang disebabkan oleh suatu establismen tetap yang terletak di Bidang Kuasa Pejanji yang satu lagi itu mengikut Perjanjian Cukai yang Diliputi);
- (e) yang melindungi pemastautin Bidang Kuasa Pejanji itu daripada amalan pencukaaian berdiskriminasi tertentu oleh Bidang Kuasa Pejanji itu;
- (f) yang membenarkan pemastautin Bidang Kuasa Pejanji itu untuk meminta pihak berkuasa berwibawa Bidang Kuasa Pejanji itu atau pihak berkuasa berwibawa mana-mana Bidang Kuasa Pejanji mempertimbangkan hal pencukaaian yang tidak mengikut Perjanjian Cukai yang Diliputi itu;
- (g) yang boleh menjejaskan cara Bidang Kuasa Pejanji itu mengenakan cukai terhadap individu yang merupakan pemastautin Bidang Kuasa Pejanji itu apabila individu itu merupakan anggota misi diplomatik, misi kerajaan atau jawatan konsular Bidang Kuasa Pejanji yang satu lagi itu;
- (h) yang memperuntukkan bahawa pencen atau bayaran lain yang dibuat di bawah undang-undang keselamatan sosial Bidang Kuasa Pejanji yang satu lagi hendaklah boleh dicukai hanya di Bidang Kuasa Pejanji yang satu lagi itu;

- (i) yang memperuntukkan bahawa pencen dan bayaran yang serupa, anuiti, bayaran alimoni atau bayaran nafkah lain yang timbul di Bidang Kuasa Pejanji yang satu lagi hendaklah boleh dicukai hanya di Bidang Kuasa Pejanji yang satu lagi itu; atau
- (j) yang selainnya secara jelas mengehendkan hak suatu Bidang Kuasa Pejanji untuk mengenakan cukai terhadap pemastautinnya sendiri atau memperuntukkan secara jelas bahawa Bidang Kuasa Pejanji yang suatu butiran pendapatan itu timbul mempunyai hak eksklusif untuk mengenakan cukai terhadap butiran pendapatan itu.

2. Perenggan 1 hendaklah terpakai sebagai ganti atau jika sekiranya tidak ada peruntukan suatu Perjanjian Cukai yang Diliputi yang menyatakan bahawa Perjanjian Cukai yang Diliputi tidak akan menjejaskan pencukaian oleh Bidang Kuasa Pejanji terhadap pemastautinnya.

3. Suatu Pihak boleh mengekalkan hak:

- (a) bagi keseluruhan Perkara ini tidak terpakai bagi Perjanjian Cukai yang Diliputinya;
- (b) bagi keseluruhan Perkara ini tidak terpakai bagi Perjanjian Cukai yang Diliputinya yang telah sedia ada mengandungi peruntukan yang diperihalkan dalam perenggan 2.

4. Setiap Pihak yang tidak membuat reservasi yang diperihalkan dalam subperenggan (a) atau (b) perenggan 3 hendaklah memberitahu Depositori sama ada setiap Perjanjian Cukai yang Diliputinya mengandungi peruntukan yang diperihalkan dalam perenggan 2, dan jika sedemikian, nombor perkara dan nombor perenggan setiap peruntukan itu. Jika semua Bidang Kuasa Pejanji telah membuat apa-apa pemberitahuan berkenaan dengan peruntukan suatu Perjanjian Cukai yang Diliputi, peruntukan itu hendaklah digantikan dengan peruntukan perenggan 1. Dalam hal lain,

perenggan 1 hendaklah menggantikan peruntukan Perjanjian Cukai yang Diliputi hanya setakat peruntukan itu yang tidak selaras dengan perenggan 1.

BAHAGIAN IV

PENGELAKAN STATUS ESTABLISMENTEN TETAP

Perkara 12 – Pengelakan Status Establismen Tetap secara Palsu melalui Perkiraan *Commissionaire* dan Strategi Serupa

1. Walau apa pun peruntukan suatu Perjanjian Cukai yang Diliputi yang mentakrifkan istilah “establismen tetap”, tetapi tertakluk kepada perenggan 2, jika seseorang bertindak di suatu Bidang Kuasa Pejanji kepada suatu Perjanjian Cukai yang Diliputi bagi pihak suatu perusahaan dan, dalam tindakannya, lazimnya menyempurnakan kontrak, atau lazimnya memainkan peranan utama yang membawa kepada penyempurnaan kontrak yang secara rutin disempurnakan tanpa ubah suaian yang material oleh perusahaan itu, dan kontrak itu adalah:

- (a) atas nama perusahaan itu; atau
- (b) bagi pemindahan pemilikan, atau bagi pemberian hak untuk menggunakan, harta yang dimiliki oleh perusahaan itu atau yang perusahaan itu mempunyai hak untuk menggunakan; atau
- (c) bagi penyediaan perkhidmatan oleh perusahaan itu,

perusahaan itu hendaklah disifatkan telah mempunyai suatu establismen tetap di Bidang Kuasa Pejanji itu berkenaan dengan apa-apa aktiviti yang orang itu jalankan bagi perusahaan itu melainkan jika aktiviti itu, jika ia dijalankan oleh perusahaan itu melalui suatu tempat perniagaan tetap perusahaan itu terletak di Bidang Kuasa Pejanji itu, tidak menjadikan tempat perniagaan tetap itu disifatkan sebagai establismen tetap di bawah takrif establismen tetap yang terkandung dalam Perjanjian Cukai yang Diliputi (sebagaimana yang boleh diubah suai oleh Konvensyen ini).

2. Perenggan 1 tidak terpakai jika orang yang bertindak di suatu Bidang Kuasa Pejanji kepada Perjanjian Cukai yang Diliputi bagi pihak suatu perusahaan Bidang Kuasa Pejanji yang satu lagi menjalankan perniagaan di Bidang Kuasa Pejanji yang mula-mula disebut itu sebagai ejen bebas dan bertindak bagi pihak perusahaan itu dalam perjalanan biasa perniagaan. Walau bagaimanapun, jika seseorang bertindak secara eksklusif atau secara hampir eksklusif bagi pihak satu atau lebih perusahaan yang kepadanya ia berkait rapat, orang itu tidak dianggap sebagai ejen bebas bagi maksud perenggan ini berkenaan dengan mana-mana perusahaan itu.
3. (a) Perenggan 1 hendaklah terpakai sebagai ganti peruntukan suatu Perjanjian Cukai yang Diliputi yang memperihalkan syarat-syarat yang suatu perusahaan hendaklah disifatkan sebagai suatu establismen tetap di suatu Bidang Kuasa Pejanji (atau seseorang hendaklah disifatkan sebagai suatu establismen tetap di suatu Bidang Kuasa Pejanji) berkenaan dengan suatu aktiviti yang seseorang selain ejen berstatus bebas menjalankan bagi pihak perusahaan itu, tetapi hanya setakat peruntukan itu menyatakan keadaan yang orang itu mempunyai, dan lazimnya menjalankan, di Bidang Kuasa Pejanji suatu kuasa untuk menyempurnakan kontrak atas nama perusahaan itu.

(b) Perenggan 2 hendaklah terpakai sebagai ganti peruntukan suatu Perjanjian Cukai yang Diliputi yang memperuntukkan bahawa suatu perusahaan tidak disifatkan mempunyai suatu establismen tetap di Bidang Kuasa Pejanji berkenaan dengan aktiviti yang suatu ejen berstatus bebas jalankan bagi pihak perusahaan itu.
4. Suatu Pihak boleh mengekalkan hak bagi keseluruhan Perkara ini tidak terpakai bagi Perjanjian Cukai yang Diliputinya.
5. Setiap Pihak yang tidak membuat reservasi yang diperihalkan dalam perenggan 4 hendaklah memberitahu Depositori sama ada setiap Perjanjian Cukai yang Diliputinya mengandungi peruntukan yang diperihalkan dalam subperenggan (a) perenggan 3,

serta nombor perkara dan nombor perenggan setiap peruntukan itu. Perenggan 1 hendaklah terpakai berkenaan dengan peruntukan suatu Perjanjian Cukai yang Diliputi hanya jika semua Bidang Kuasa Pejanji telah membuat pemberitahuan berkenaan dengan peruntukan itu.

6. Setiap Pihak yang tidak membuat reservasi yang diperihalkan dalam perenggan 4 hendaklah memberitahu Depositori sama ada setiap Perjanjian Cukai yang Diliputinya mengandungi peruntukan yang diperihalkan dalam subperenggan (b) perenggan 3, serta nombor perkara dan nombor perenggan setiap peruntukan itu. Perenggan 2 hendaklah terpakai berkenaan dengan peruntukan suatu Perjanjian Cukai yang Diliputi hanya jika semua Bidang Kuasa Pejanji telah membuat apa-apa pemberitahuan berkenaan dengan peruntukan itu.

Perkara 13 - Pengelakan Status Establismen Tetap secara Palsu melalui Pengecualian Aktiviti Tertentu

1. Suatu Pihak boleh memilih untuk memakai perenggan 2 (Opsyen A) atau perenggan 3 (Opsyen B) atau tidak memilih mana-mana Opsyen.

Opsyen A

2. Walau apa pun peruntukan suatu Perjanjian Cukai yang Diliputi yang mentakrifkan istilah “establismen tetap”, istilah “establismen tetap” itu hendaklah disifatkan tidak termasuk:

- (a) aktiviti-aktiviti yang secara khusus disenaraikan dalam Perjanjian Cukai yang Diliputi itu (sebelum ubah suaian oleh Konvensyen ini) sebagai aktiviti-aktiviti yang disifatkan tidak menjadi suatu establismen tetap, sama ada atau tidak pengecualian daripada status establismen tetap itu bergantung kepada aktiviti yang bersifat persediaan atau tambahan;

- (b) penyenggaraan suatu tempat perniagaan tetap semata-mata bagi maksud menjalankan, bagi pihak perusahaan itu, apa-apa aktiviti yang tidak diperihalkan dalam subperenggan (a);
- (c) penyenggaraan suatu tempat perniagaan tetap semata-mata bagi apa-apa gabungan aktiviti-aktiviti yang disebut dalam subperenggan (a) dan (b),

dengan syarat bahawa aktiviti itu atau, dalam hal subperenggan (c), aktiviti keseluruhan tempat perniagaan tetap, adalah bersifat persediaan atau tambahan.

Opsyen B

3. Walau apa pun peruntukan suatu Perjanjian Cukai yang Diliputi yang mentakrifkan istilah “establismen tetap”, istilah “establismen tetap” itu hendaklah disifatkan tidak termasuk:

- (a) aktiviti-aktiviti yang secara khusus disenaraikan dalam Perjanjian Cukai yang Diliputi (sebelum ubah suaian oleh Konvensyen ini) sebagai aktiviti-aktiviti yang disifatkan tidak menjadi suatu establismen tetap, sama ada atau tidak pengecualian daripada status establismen tetap bergantung kepada aktiviti itu yang bersifat persediaan atau tambahan, kecuali setakat peruntukan yang berkaitan Perjanjian Cukai yang Diliputi itu memperuntukkan secara nyata bahawa suatu aktiviti tertentu hendaklah disifatkan tidak menjadi suatu establismen tetap dengan syarat bahawa aktiviti itu bersifat persediaan atau tambahan;
- (b) penyenggaraan suatu tempat perniagaan tetap semata-mata bagi maksud menjalankan, bagi pihak perusahaan itu, apa-apa aktiviti yang tidak diperihalkan dalam subperenggan (a), dengan syarat bahawa aktiviti itu bersifat persediaan atau tambahan;

- (c) penyenggaraan suatu tempat perniagaan tetap semata-mata bagi apa-apa gabungan aktiviti-aktiviti yang disebut dalam subperenggan (a) dan (b), dengan syarat bahawa aktiviti keseluruhan tempat perniagaan tetap itu yang terhasil daripada gabungan itu yang bersifat persediaan atau tambahan.
4. Peruntukan suatu Perjanjian Cukai yang Diliputi (sebagaimana yang boleh diubah suai oleh perenggan 2 atau 3) yang menyenaraikan aktiviti-aktiviti tertentu yang disifatkan tidak menjadi suatu establismen tetap tidak terpakai bagi suatu tempat perniagaan tetap yang digunakan atau disenggarakan oleh suatu perusahaan jika perusahaan yang sama atau suatu perusahaan yang berkait rapat menjalankan aktiviti perniagaan di tempat yang sama atau tempat lain dalam Bidang Kuasa Pejanji yang sama dan:
- (a) tempat itu atau tempat lain yang menjadi suatu establismen tetap bagi perusahaan itu atau perusahaan yang berkait rapat di bawah peruntukan suatu Perjanjian Cukai yang Diliputi yang mentakrifkan suatu establismen tetap; atau
- (b) aktiviti keseluruhan yang terhasil daripada gabungan aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh dua perusahaan di tempat yang sama, atau oleh perusahaan yang sama atau perusahaan yang berkait rapat di dua tempat itu, adalah bukan bersifat persediaan atau tambahan, dengan syarat bahawa aktiviti-aktiviti perniagaan yang dijalankan oleh dua perusahaan di tempat yang sama itu, atau oleh perusahaan yang sama atau perusahaan yang berkait rapat di dua tempat itu, menjadi fungsi pelengkap yang menjadi sebahagian daripada operasi perniagaan yang padu.
5. (a) Perenggan 2 atau 3 hendaklah terpakai sebagai ganti bahagian yang berkaitan dengan peruntukan suatu Perjanjian Cukai yang Diliputi yang menyenaraikan aktiviti-aktiviti tertentu yang disifatkan tidak menjadi

suatu establismen tetap walau pun jika aktiviti itu dijalankan melalui suatu tempat perniagaan tetap (atau peruntukan suatu Perjanjian Cukai yang Diliputi yang beroperasi dalam cara yang sebanding).

- (b) Perenggan 4 hendaklah terpakai bagi peruntukan suatu Perjanjian Cukai yang Diliputi (sebagaimana yang boleh diubah suai oleh perenggan 2 atau 3) yang menyenaraikan aktiviti-aktiviti tertentu yang disifatkan tidak menjadi suatu establismen tetap walau pun jika aktiviti itu dijalankan melalui suatu tempat perniagaan tetap (atau peruntukan suatu Perjanjian Cukai yang Diliputi yang beroperasi dalam cara yang sebanding).

6. Suatu Pihak boleh mengekalkan hak:

- (a) bagi keseluruhan Perkara tidak terpakai bagi Perjanjian Cukai yang Diliputinya;
- (b) bagi perenggan 2 tidak terpakai bagi Perjanjian Cukai yang Diliputinya yang secara nyata menyatakan bahawa suatu senarai aktiviti-aktiviti tertentu hendaklah disifatkan tidak menjadi suatu establismen tetap hanya jika setiap aktiviti-aktiviti itu bersifat persediaan atau tambahan;
- (c) bagi perenggan 4 tidak terpakai bagi Perjanjian Cukai yang Diliputinya.

7. Setiap Pihak yang memilih untuk memakai suatu Opsyen di bawah perenggan 1 hendaklah memberitahu Depositori akan Opsyen pilihannya. Pemberitahuan itu hendaklah juga termasuk senarai Perjanjian Cukai yang Diliputinya yang mengandungi peruntukan yang diperihalkan dalam subperenggan (a) perenggan 5, serta nombor perkara dan nombor perenggan setiap peruntukan itu. Suatu Opsyen hendaklah terpakai berkenaan dengan peruntukan suatu Perjanjian Cukai yang Diliputi hanya jika semua Bidang Kuasa Pejanji telah memilih untuk memakai Opsyen yang sama dan telah membuat apa-apa pemberitahuan berkenaan dengan peruntukan itu.

8. Setiap Pihak yang tidak membuat reservasi yang diperihalkan dalam subperenggan (a) atau (c) perenggan 6 dan tidak memilih untuk memakai suatu Opsyen di bawah perenggan 1 hendaklah memberitahu Depositori sama ada setiap Perjanjian Cukai yang Diliputinya mengandungi peruntukan yang diperihalkan dalam subperenggan (b) perenggan 5, serta nombor perkara dan nombor perenggan setiap peruntukan itu. Perenggan 4 hendaklah terpakai berkenaan dengan peruntukan suatu Perjanjian Cukai yang Diliputi hanya jika semua Bidang Kuasa Pejanji telah membuat apa-apa pemberitahuan berkenaan dengan peruntukan itu di bawah perenggan ini atau perenggan 7.

Perkara 14 – Pemecahan Kontrak

1. Semata-mata bagi maksud menentukan sama ada tempoh (atau tempoh-tempoh) yang disebut dalam peruntukan suatu Perjanjian Cukai yang Diliputi yang menetapkan suatu tempoh (atau tempoh-tempoh) masa selepas projek atau aktiviti-aktiviti tertentu hendaklah menjadi suatu establismen tetap telah dilepasi:

- (a) jika perusahaan suatu Bidang Kuasa Pejanji menjalankan aktiviti-aktiviti di Bidang Kuasa Pejanji yang satu lagi di suatu tempat yang terdiri daripada tapak pembinaan, projek pembinaan, projek pemasangan atau projek tertentu lain yang dikenal pasti dalam peruntukan yang berkaitan Perjanjian Cukai yang Diliputi itu, atau menjalankan aktiviti-aktiviti penyeliaan atau rundingan yang berkaitan dengan apa-apa tempat, dalam hal peruntukan suatu Perjanjian Cukai yang Diliputi yang merujuk kepada aktiviti-aktiviti itu, dan aktiviti-aktiviti yang dijalankan sepanjang satu atau lebih tempoh masa yang, secara agregat, melebihi 30 hari tanpa melebihi tempoh atau tempoh-tempoh yang disebut dalam peruntukan berkaitan Perjanjian Cukai yang Diliputi; dan
- (b) jika aktiviti-aktiviti yang berkaitan dijalankan di Bidang Kuasa Pejanji yang satu lagi (atau, jika peruntukan yang berkaitan Perjanjian Cukai yang Diliputi itu terpakai bagi aktiviti-aktiviti penyeliaan atau rundingan,

yang berkaitan dengan) tapak bangunan, projek pembinaan atau pemasangan yang sama, atau tempat lain yang dikenal pasti dalam peruntukan yang berkaitan Perjanjian Cukai yang Diliputi itu sepanjang tempoh masa yang berbeza, setiap satu melebihi 30 hari, oleh satu atau lebih perusahaan yang berkait rapat dengan perusahaan yang mula-mula disebut itu,

tempoh masa yang berbeza ini hendaklah ditambah kepada tempoh masa agregat sepanjang perusahaan yang mula-mula disebut itu menjalankan aktiviti-aktiviti di tapak bangunan, projek pembinaan atau pemasangan itu, atau tempat lain yang dikenal pasti dalam peruntukan yang berkaitan Perjanjian Cukai yang Diliputi itu.

2. Perenggan 1 hendaklah terpakai sebagai ganti atau jika sekiranya tidak ada peruntukan suatu Perjanjian Cukai yang Diliputi setakat peruntukan itu menyatakan pembahagian kontrak kepada pelbagai bahagian untuk mengelakkan pemakaian tempoh atau tempoh-tempoh masa berhubung dengan kewujudan suatu establismen tetap bagi projek atau aktiviti-aktiviti tertentu yang diperihalkan dalam perenggan 1.

3. Suatu Pihak boleh mengekalkan hak:

- (a) bagi keseluruhan Perkara ini tidak terpakai bagi Perjanjian Cukai yang Diliputinya;
- (b) bagi keseluruhan Perkara ini tidak terpakai berkenaan dengan peruntukan Perjanjian Cukai yang Diliputinya yang berhubungan dengan penjelajahan atau pengeksploitan sumber asli.

4. Setiap Pihak yang tidak membuat reservasi yang diperihalkan dalam subperenggan (a) perenggan 3 hendaklah memberitahu Depositori sama ada setiap Perjanjian Cukai yang Diliputinya mengandungi peruntukan yang diperihalkan dalam perenggan 2 yang tidak tertakluk kepada reservasi di bawah subperenggan (b) perenggan 3, dan jika sedemikian, nombor perkara dan nombor perenggan

setiap peruntukan itu. Jika semua Bidang Kuasa Pejanji telah membuat apa-apa pemberitahuan berkenaan dengan peruntukan suatu Perjanjian Cukai yang Diliputi, peruntukan itu hendaklah digantikan dengan peruntukan perenggan 1 setakat yang diperuntukkan dalam perenggan 2. Dalam hal lain, perenggan 1 hendaklah menggantikan peruntukan Perjanjian Cukai yang Diliputi hanya setakat peruntukan itu yang tidak selaras dengan perenggan 1.

Perkara 15 – Takrif Orang yang Berkait Rapat dengan suatu Perusahaan

1. Bagi maksud peruntukan suatu Perjanjian Cukai yang Diliputi yang diubah suai oleh perenggan 2 Perkara 12 (Pengelakan Status Establismen Tetap secara Palsu melalui Perkiraan *Commissionaire* dan Strategi Serupa), perenggan 4 Perkara 13 (Pengelakan Status Establismen Tetap secara Palsu melalui Pengecualian Aktiviti Tertentu), atau perenggan 1 Perkara 14 (Pemecahan Kontrak), orang yang berkait rapat dengan suatu perusahaan jika, berdasarkan semua fakta dan hal keadaan yang berkaitan, seseorang yang mempunyai kawalan ke atas yang satu lagi atau kedua-duanya berada di bawah kawalan orang atau perusahaan yang sama. Dalam apa-apa jua hal, seseorang hendaklah dianggap berkait rapat dengan suatu perusahaan jika orang itu memiliki secara langsung atau secara tidak langsung lebih daripada 50 peratus kepentingan bermanfaat dalam perusahaan yang satu lagi itu (atau, dalam hal suatu syarikat, lebih daripada 50 peratus undi agregat dan nilai syer syarikat atau kepentingan ekuiti benefisial dalam syarikat itu) atau jika orang lain memiliki secara langsung atau secara tidak langsung lebih daripada 50 peratus kepentingan bermanfaat (atau, dalam hal suatu syarikat, lebih daripada 50 peratus undi dan nilai agregat syer syarikat atau kepentingan ekuiti benefisial dalam syarikat itu) kepada orang itu dan perusahaan itu.

2. Suatu Pihak yang telah membuat reservasi yang diperihalkan dalam perenggan 4 Perkara 12 (Pengelakan Status Establismen Tetap secara Palsu melalui Perkiraan *Commissionaire* dan Strategi Serupa), subperenggan (a) atau (c) perenggan 6 Perkara 13 (Pengelakan Status Establismen Tetap secara Palsu melalui Pengecualian Aktiviti Tertentu), dan subperenggan (a) perenggan 3 Perkara 14 (Pemecahan Kontrak)

boleh mengekalkan hak bagi keseluruhan Perkara ini tidak terpakai bagi Perjanjian Cukai yang Diliputi yang kepadanya reservasi itu terpakai.

BAHAGIAN V

MENAMBAH BAIK PENYELESAIAN PERTIKAIAN

Perkara 16 – Tatacara Persetujuan Bersama

1. Jika seseorang menganggap bahawa tindakan satu atau kedua-dua Bidang Kuasa Pejanji menyebabkan atau akan menyebabkan kepada orang itu pencukaaian yang tidak mengikut peruntukan Perjanjian Cukai yang Diliputi, orang itu boleh, tidak kira remedi yang diperuntukkan oleh undang-undang domestik Bidang Kuasa Pejanji itu, mengemukakan kes itu kepada pihak berkuasa berwibawa mana-mana Bidang Kuasa Pejanji. Kes itu hendaklah dikemukakan dalam masa tiga tahun dari pemberitahuan pertama tentang tindakan yang terhasil daripada pencukaaian yang tidak mengikut peruntukan Perjanjian Cukai yang Diliputi itu.

2. Pihak berkuasa berwibawa hendaklah berusaha, jika didapatinya bahawa bantahan itu wajar dan jika pihak berkuasa berwibawa itu sendiri tidak dapat mencapai suatu penyelesaian yang memuaskan, untuk menyelesaikan kes itu melalui persetujuan bersama dengan pihak berkuasa berwibawa Bidang Kuasa Pejanji yang satu lagi, dengan tujuan untuk mengelakkan pencukaaian yang tidak mengikut Perjanjian Cukai yang Diliputi itu. Apa-apa persetujuan yang dicapai hendaklah dilaksanakan walau apa pun apa-apa had masa dalam undang-undang domestik Bidang Kuasa Pejanji itu.

3. Pihak berkuasa berwibawa Bidang Kuasa Pejanji hendaklah berusaha untuk menyelesaikan melalui persetujuan bersama apa-apa kesulitan atau keraguan yang berbangkit daripada pentafsiran atau pemakaian Perjanjian Cukai yang Diliputi itu. Pihak berkuasa berwibawa juga boleh berunding bersama-sama bagi menghapuskan pencukaaian dua kali dalam kes yang tidak diperuntukkan dalam Perjanjian Cukai yang Diliputi itu.

4. (a) (i) Ayat pertama perenggan 1 hendaklah terpakai sebagai ganti atau jika sekiranya tidak ada peruntukan suatu Perjanjian Cukai yang Diliputi (atau sebahagiannya) yang memperuntukkan bahawa jika seseorang menganggap bahawa tindakan satu atau kedua-dua Bidang Kuasa Pejanji menyebabkan atau akan menyebabkan kepada orang itu pencukaaian yang tidak mengikut peruntukan Perjanjian Cukai yang Diliputi, orang itu boleh, tidak kira remedi yang diperuntukkan oleh undang-undang domestik Bidang Kuasa Pejanji itu, mengemukakan kes itu kepada pihak berkuasa berwibawa Bidang Kuasa Pejanji yang orang itu merupakan pemastautin termasuk peruntukan yang di bawahnya, jika kes yang dikemukakan oleh orang itu termasuk di bawah peruntukan suatu Perjanjian Cukai yang Diliputi yang berhubungan dengan tak berdiskriminasi berdasarkan kerakyatan, kes itu boleh dikemukakan kepada pihak berkuasa berwibawa Bidang Kuasa Pejanji yang orang itu merupakan rakyatnya.
- (ii) Ayat kedua perenggan 1 hendaklah terpakai sebagai ganti peruntukan suatu Perjanjian Cukai yang Diliputi yang memperuntukkan bahawa suatu kes yang disebut dalam ayat pertama perenggan 1 hendaklah dikemukakan dalam suatu tempoh masa khusus yang lebih pendek daripada tiga tahun dari pemberitahuan pertama tentang tindakan yang terhasil daripada pencukaaian yang tidak mengikut peruntukan Perjanjian Cukai yang Diliputi itu, atau jika sekiranya tidak ada peruntukan suatu Perjanjian Cukai yang Diliputi memperihalkan tempoh masa yang suatu kes itu hendaklah dikemukakan.
- (b) (i) Ayat pertama perenggan 2 hendaklah terpakai jika sekiranya tidak ada peruntukan suatu Perjanjian Cukai yang Diliputi yang memperuntukkan bahawa pihak berkuasa berwibawa yang kepadanya kes itu dikemukakan oleh orang yang disebut

dalam perenggan 1 hendaklah berusaha, jika didapatinya bahawa bantahan itu wajar dan jika pihak berkuasa berwibawa itu sendiri tidak dapat mencapai suatu penyelesaian yang memuaskan, untuk menyelesaikan kes itu melalui persetujuan bersama dengan pihak berkuasa berwibawa Bidang Kuasa Pejanji yang satu lagi itu, dengan tujuan untuk mengelakkan pencukaaian yang tidak mengikut peruntukan dalam Perjanjian Cukai yang Diliputi itu.

- (ii) Ayat kedua perenggan 2 hendaklah terpakai jika sekiranya tidak ada peruntukan suatu Perjanjian Cukai yang Diliputi yang memperuntukkan bahawa apa-apa persetujuan yang dicapai hendaklah dilaksanakan walau apa pun apa-apa had masa dalam undang-undang domestik Bidang Kuasa Pejanji itu.

- (c) (i) Ayat pertama perenggan 3 hendaklah terpakai jika sekiranya tidak ada peruntukan suatu Perjanjian Cukai yang Diliputi yang memperuntukkan bahawa pihak berkuasa berwibawa Bidang Kuasa Pejanji hendaklah berusaha untuk menyelesaikan melalui persetujuan bersama apa-apa kesulitan atau keraguan yang berbangkit daripada pentafsiran atau pemakaian Perjanjian Cukai yang Diliputi itu.

- (ii) Ayat kedua perenggan 3 hendaklah terpakai jika sekiranya tidak ada peruntukan suatu Perjanjian Cukai yang Diliputi yang memperuntukkan bahawa pihak berkuasa berwibawa Bidang Kuasa Pejanji itu boleh juga berunding bersama-sama bagi menghapuskan pencukaaian dua kali dalam kes yang tidak diperuntukkan dalam Perjanjian Cukai yang Diliputi itu.

5. Suatu Pihak boleh mengekalkan hak:
- (a) bagi ayat pertama perenggan 1 tidak terpakai bagi Perjanjian Cukai yang Diliputinya dengan asas bahawa ia berhasrat untuk memenuhi standard minimum untuk menambah baik penyelesaian pertikaian di bawah pakej BEPS OECD/G20 dengan memastikan bahawa di bawah setiap Perjanjian Cukai yang Diliputinya (selain suatu Perjanjian Cukai yang Diliputi yang membenarkan seseorang untuk mengemukakan kes kepada pihak berkuasa berwibawa mana-mana Bidang Kuasa Pejanji), jika seseorang menganggap bahawa tindakan satu atau kedua-dua Bidang Kuasa Pejanji menyebabkan atau akan menyebabkan kepada orang itu pencukaaian yang tidak mengikut peruntukan Perjanjian Cukai yang Diliputi itu, tidak kira remedi yang diperuntukkan oleh undang-undang domestik Bidang Kuasa Pejanji itu, orang itu boleh mengemukakan kes itu kepada pihak berkuasa berwibawa Bidang Kuasa Pejanji yang orang itu merupakan pemastautin atau, jika kes itu dikemukakan oleh orang itu yang termasuk di bawah peruntukan suatu Perjanjian Cukai yang Diliputi yang berhubungan dengan tak berdiskriminasi berdasarkan kerakyatan, kepada pihak berkuasa berwibawa Bidang Kuasa Pejanji itu yang orang itu merupakan rakyatnya; dan pihak berkuasa berwibawa Bidang Kuasa Pejanji itu hendaklah melaksanakan suatu pemberitahuan secara dua hala atau proses rundingan dengan pihak berkuasa berwibawa Bidang Kuasa Pejanji yang satu lagi bagi kes yang pihak berkuasa berwibawa yang kepadanya kes tatacara persetujuan bersama telah dikemukakan tidak menganggap bahawa bantahan pembayar cukai itu adalah wajar;
 - (b) bagi ayat kedua perenggan 1 tidak terpakai bagi Perjanjian Cukai yang Diliputinya yang tidak memperuntukkan bahawa kes yang disebut dalam ayat pertama perenggan 1 hendaklah dikemukakan dalam suatu tempoh masa khusus dengan asas bahawa ia berhasrat untuk memenuhi standard minimum untuk menambah baik penyelesaian pertikaian di bawah pakej BEPS OECD/G20 dengan memastikan bahawa bagi maksud

semua Perjanjian Cukai yang Diliputi itu pembayar cukai yang disebut dalam perenggan 1 dibenarkan untuk mengemukakan kes dalam suatu tempoh sekurang-kurangnya tiga tahun dari pemberitahuan pertama tentang tindakan yang terhasil daripada pencukaaian yang tidak mengikut peruntukan Perjanjian Cukai yang Diliputi itu;

(c) bagi ayat kedua perenggan 2 tidak terpakai bagi Perjanjian Cukai yang Diliputinya dengan asas bahawa bagi maksud semua Perjanjian Cukai yang Diliputinya:

(i) apa-apa persetujuan yang dicapai melalui tatacara persetujuan bersama hendaklah dilaksanakan walau apa pun apa-apa had masa dalam undang-undang domestik Bidang Kuasa Pejanji itu; atau

(ii) ia berhasrat untuk memenuhi standard minimum untuk menambah baik penyelesaian pertikaian di bawah pakej BEPS OECD/G20 dengan menerima, dalam rundingan triti dua halanya, suatu peruntukan triti yang memperuntukkan bahawa:

(A) Bidang Kuasa Pejanji tidak membuat pelarasan kepada keuntungan yang disebabkan oleh suatu establismen tetap perusahaan satu Bidang Kuasa Pejanji selepas suatu tempoh yang dipersetujui bersama antara kedua-dua Bidang Kuasa Pejanji dari akhir tahun boleh cukai yang keuntungan itu sepatutnya disebabkan oleh establismen tetap (peruntukan ini tidak terpakai dalam kes fraud, kecuiaan melampau atau keingkaran sengaja); dan

(B) Bidang Kuasa Pejanji tidak memasukkan dalam keuntungan suatu perusahaan, dan mengenakan cukai dengan sewajarnya, keuntungan yang sepatutnya telah terakru kepada perusahaan itu tetapi dengan alasan bahawa

syarat-syarat yang disebut dalam suatu peruntukan Perjanjian Cukai yang Diliputi yang berhubungan dengan perusahaan bersekutu telah tidak terakru sedemikian, selepas suatu tempoh yang dipersetujui bersama antara kedua-dua Bidang Kuasa Pejanji dari akhir tahun boleh cukai yang keuntungan itu sepatutnya telah terakru kepada perusahaan itu (peruntukan ini tidak terpakai dalam kes fraud, kecuaiian melampau atau keingkarannya sengaja).

6. (a) Setiap Pihak yang tidak membuat reservasi yang diperihalkan dalam subperenggan (a) perenggan 5 hendaklah memberitahu Depositori sama ada setiap Perjanjian Cukai yang Diliputinya mengandungi peruntukan yang diperihalkan dalam klausa (i) subperenggan (a) perenggan 4, dan jika sedemikian, nombor perkara dan nombor perenggan setiap peruntukan itu. Jika semua Bidang Kuasa Pejanji telah membuat apa-apa pemberitahuan berkenaan dengan peruntukan suatu Perjanjian Cukai yang Diliputi, peruntukan itu hendaklah digantikan dengan ayat pertama perenggan 1. Dalam kes lain, ayat pertama perenggan 1 itu hendaklah menggantikan peruntukan Perjanjian Cukai yang Diliputi itu hanya setakat peruntukan itu yang tidak selaras dengan ayat itu.
- (b) Setiap Pihak yang tidak membuat reservasi yang diperihalkan dalam subperenggan (b) perenggan 5 hendaklah memberitahu Depositori:
 - (i) senarai Perjanjian Cukai yang Diliputinya yang mengandungi suatu peruntukan yang memperuntukkan bahawa kes yang disebut dalam ayat pertama perenggan 1 hendaklah dikemukakan dalam suatu tempoh masa khusus yang lebih pendek daripada tiga tahun dari pemberitahuan pertama tentang tindakan yang terhasil daripada pencukaian yang tidak mengikut peruntukan Perjanjian Cukai yang Diliputi itu, serta nombor perkara dan nombor perenggan setiap peruntukan itu; peruntukan suatu Perjanjian

Cukai yang Diliputi hendaklah digantikan dengan ayat kedua perenggan 1 jika semua Bidang Kuasa Pejanji telah membuat apa-apa pemberitahuan berkenaan dengan peruntukan itu; dalam kes lain, tertakluk kepada klausa (ii), ayat kedua perenggan 1 hendaklah menggantikan peruntukan Perjanjian Cukai yang Diliputi hanya setakat peruntukan itu yang tidak selaras dengan ayat kedua perenggan 1;

- (ii) senarai Perjanjian Cukai yang Diliputinya yang mengandungi suatu peruntukan yang memperuntukkan bahawa kes yang disebut dalam ayat pertama perenggan 1 hendaklah dikemukakan dalam suatu tempoh masa khusus yang sekurang-kurangnya tiga tahun dari pemberitahuan pertama tentang tindakan yang terhasil daripada pencukaian yang tidak mengikut peruntukan Perjanjian Cukai yang Diliputi itu, serta nombor perkara dan nombor perenggan setiap peruntukan itu; ayat kedua perenggan 1 tidak terpakai bagi suatu Perjanjian Cukai yang Diliputi jika mana-mana Bidang Kuasa Pejanji telah membuat apa-apa pemberitahuan berkenaan dengan Perjanjian Cukai yang Diliputi itu.

- (c) Setiap Pihak hendaklah memberitahu Depositori:

- (i) senarai Perjanjian Cukai yang Diliputinya yang tidak mengandungi peruntukan yang diperihalkan dalam klausa (i) subperenggan (b) perenggan 4; ayat pertama perenggan 2 hendaklah terpakai bagi suatu Perjanjian Cukai yang Diliputi hanya jika semua Bidang Kuasa Pejanji telah membuat apa-apa pemberitahuan berkenaan dengan Perjanjian Cukai yang Diliputi itu;
- (ii) dalam kes suatu Pihak yang tidak membuat reservasi yang diperihalkan dalam subperenggan (c) perenggan 5, senarai Perjanjian Cukai yang Diliputinya yang tidak mengandungi

peruntukan yang diperihalkan dalam klausa (ii) subperenggan (b) perenggan 4; ayat kedua perenggan 2 hendaklah terpakai bagi suatu Perjanjian Cukai yang Diliputi hanya jika semua Bidang Kuasa Pejanji telah membuat apa-apa pemberitahuan berkenaan dengan Perjanjian Cukai yang Diliputi itu.

(d) Setiap Pihak hendaklah memberitahu Depositori:

(i) senarai Perjanjian Cukai yang Diliputinya yang tidak mengandungi peruntukan yang diperihalkan dalam klausa (i) subperenggan (c) perenggan 4; ayat pertama perenggan 3 hendaklah terpakai bagi suatu Perjanjian Cukai yang Diliputi hanya jika semua Bidang Kuasa Pejanji telah membuat apa-apa pemberitahuan berkenaan dengan Perjanjian Cukai yang Diliputi itu;

(ii) senarai Perjanjian Cukai yang Diliputinya yang tidak mengandungi peruntukan yang diperihalkan dalam klausa (ii) subperenggan (c) perenggan 4; ayat kedua perenggan 3 hendaklah terpakai bagi suatu Perjanjian Cukai yang Diliputi hanya jika semua Bidang Kuasa Pejanji telah membuat apa-apa pemberitahuan berkenaan dengan Perjanjian Cukai yang Diliputi itu.

Perkara 17 – Pelarasan yang Sepadan

1. Jika suatu Bidang Kuasa Pejanji memasukkan dalam keuntungan suatu perusahaan Bidang Kuasa Pejanji itu — dan mengenakan cukai dengan sewajarnya — keuntungan yang baginya suatu perusahaan Bidang Kuasa Pejanji yang satu lagi telah dikenakan cukai di Bidang Kuasa Pejanji yang satu lagi itu dan keuntungan yang dimasukkan itu ialah keuntungan yang sepatutnya telah terakru kepada perusahaan Bidang Kuasa Pejanji yang mula-mula disebut itu jika syarat-syarat yang dibuat antara kedua-dua perusahaan itu merupakan syarat-syarat yang akan dibuat antara perusahaan bebas, maka Bidang Kuasa Pejanji yang satu lagi itu hendaklah membuat

suatu pelarasan yang sesuai kepada amaun cukai yang dikenakan atas keuntungan itu. Dalam menentukan pelarasan itu, perhatian sewajarnya hendaklah diberikan kepada peruntukan lain Perjanjian Cukai yang Diliputi itu dan pihak berkuasa berwibawa Bidang Kuasa Pejanji itu hendaklah berunding antara satu sama lain jika perlu.

2. Perenggan 1 hendaklah terpakai sebagai ganti atau jika sekiranya tidak ada suatu peruntukan yang menghendaki suatu Bidang Kuasa Pejanji untuk membuat suatu pelarasan yang sesuai kepada amaun cukai yang dikenakan atas keuntungan suatu perusahaan Bidang Kuasa Pejanji itu jika Bidang Kuasa Pejanji yang satu lagi memasukkan keuntungan itu dalam keuntungan suatu perusahaan Bidang Kuasa Pejanji yang satu lagi itu dan mengenakan cukai atas keuntungan itu dengan sewajarnya, dan keuntungan yang dimasukkan itu ialah keuntungan yang sepatutnya telah terakru kepada perusahaan Bidang Kuasa Pejanji yang satu lagi itu jika syarat-syarat yang dibuat antara kedua-dua perusahaan itu merupakan syarat-syarat yang akan dibuat antara perusahaan bebas.

3. Suatu Pihak boleh mengekalkan hak:

- (a) bagi keseluruhan Perkara ini tidak terpakai bagi Perjanjian Cukai yang Diliputinya yang telah sedia ada mengandungi peruntukan yang diperihalkan dalam perenggan 2;
- (b) bagi keseluruhan Perkara ini tidak terpakai bagi Perjanjian Cukai yang Diliputinya dengan asas bahawa jika sekiranya tidak ada peruntukan yang disebut dalam perenggan 2 dalam Perjanjian Cukai yang Diliputinya:
 - (i) ia hendaklah membuat pelarasan yang sesuai yang disebut dalam perenggan 1; atau
 - (ii) pihak berkuasa berwibawanya hendaklah berusaha untuk menyelesaikan hal di bawah peruntukan suatu Perjanjian Cukai

yang Diliputinya yang berhubungan dengan tatacara persetujuan bersama;

- (c) dalam hal suatu Pihak telah membuat reservasi di bawah klausa (ii) subperenggan (c) perenggan 5 Perkara 16 (Tatacara Persetujuan Bersama), bagi keseluruhan Perkara ini tidak terpakai bagi Perjanjian Cukai yang Diliputinya dengan asas bahawa dalam rundingan triti dua halanya ia hendaklah menerima suatu peruntukan triti yang jenisnya terkandung dalam perenggan 1, dengan syarat bahawa Bidang Kuasa Pejanji boleh mencapai persetujuan bagi peruntukan itu dan bagi peruntukan yang diperihalkan dalam klausa (ii) subperenggan (c) perenggan 5 Perkara 16 (Tatacara Persetujuan Bersama).

4. Setiap Pihak yang tidak membuat reservasi yang diperihalkan dalam perenggan 3 hendaklah memberitahu Depositori sama ada setiap Perjanjian Cukai yang Diliputinya mengandungi peruntukan yang diperihalkan dalam perenggan 2, dan jika sedemikian, nombor perkara dan nombor perenggan setiap peruntukan itu. Jika semua Bidang Kuasa Pejanji telah membuat apa-apa pemberitahuan berkenaan dengan peruntukan Perjanjian Cukai yang Diliputi, peruntukan itu hendaklah digantikan dengan peruntukan perenggan 1. Dalam hal lain, perenggan 1 hendaklah menggantikan peruntukan Perjanjian Cukai yang Diliputi hanya setakat peruntukan itu yang tidak selaras dengan perenggan 1.

BAHAGIAN VI TIMBANG TARA

Perkara 18 – Pilihan untuk Memakai Bahagian VI

Suatu Pihak boleh memilih untuk memakai Bahagian ini berkenaan dengan Perjanjian Cukai yang Diliputinya dan hendaklah memberitahu Depositori dengan sewajarnya. Bahagian ini hendaklah terpakai berhubung dengan dua Bidang Kuasa Pejanji berkenaan

dengan suatu Perjanjian Cukai yang Diliputi hanya jika kedua-dua Bidang Kuasa Pejanji telah membuat apa-apa pemberitahuan.

Perkara 19 – Timbang Tara Mengikat Mandatori

1. Jika:

- (a) di bawah peruntukan suatu Perjanjian Cukai yang Diliputi [sebagaimana yang boleh diubah suai oleh perenggan 1 Perkara 16 (Tatacara Persetujuan Bersama)] yang memperuntukkan bahawa seseorang boleh mengemukakan suatu kes kepada pihak berkuasa berwibawa suatu Bidang Kuasa Pejanji jika orang itu menganggap bahawa tindakan satu atau kedua-dua Bidang Kuasa Pejanji itu menyebabkan atau akan menyebabkan kepada orang itu pencukaaian yang tidak mengikut peruntukan Perjanjian Cukai yang Diliputi (sebagaimana yang boleh diubah suai oleh Konvensyen), seseorang telah mengemukakan kes kepada pihak berkuasa berwibawa suatu Bidang Kuasa Pejanji dengan asas bahawa tindakan satu atau kedua-dua Bidang Kuasa Pejanji telah menyebabkan kepada orang itu pencukaaian yang tidak mengikut peruntukan Perjanjian Cukai yang Diliputi (sebagaimana yang boleh diubah suai oleh Konvensyen); dan
- (b) pihak berkuasa berwibawa tidak dapat mencapai suatu persetujuan untuk menyelesaikan kes menurut peruntukan suatu Perjanjian Cukai yang Diliputi [sebagaimana yang boleh diubah suai oleh perenggan 2 Perkara 16 (Tatacara Persetujuan Bersama)] yang memperuntukkan bahawa pihak berkuasa berwibawa hendaklah berusaha untuk menyelesaikan kes itu melalui persetujuan bersama dengan pihak berkuasa berwibawa Bidang Kuasa Pejanji yang satu lagi itu, dalam tempoh dua tahun yang bermula pada tarikh permulaan yang disebut dalam perenggan 8 atau 9, mengikut mana-mana yang berkenaan (melainkan jika, sebelum habisnya tempoh pihak berkuasa berwibawa Bidang Kuasa Pejanji telah bersetuju

dengan suatu tempoh masa berbeza berkenaan dengan kes itu dan telah memberitahu orang yang mengemukakan kes mengenai persetujuan itu),

apa-apa isu yang tidak diselesaikan yang timbul daripada kes itu hendaklah, jika orang itu membuat permintaan secara bertulis, dikemukakan kepada timbang tara mengikut cara yang diperihalkan dalam Bahagian ini, mengikut apa-apa kaedah atau tatacara yang dipersetujui oleh pihak berkuasa berwibawa Bidang Kuasa Pejanji menurut peruntukan perenggan 10.

2. Jika suatu pihak berkuasa berwibawa telah menangguhkan tatacara persetujuan bersama yang disebut dalam perenggan 1 kerana suatu kes berkenaan dengan satu atau lebih isu yang sama masih belum selesai di mahkamah atau tribunal pentadbiran, tempoh yang diperuntukkan dalam subperenggan (b) perenggan 1 hendaklah terhenti sehingga sama ada suatu keputusan akhir telah diberikan oleh mahkamah atau tribunal pentadbiran atau kes itu telah ditangguhkan atau ditarik balik. Sebagai tambahan, jika seseorang yang mengemukakan suatu kes dan suatu pihak berkuasa berwibawa telah bersetuju untuk menangguhkan tatacara persetujuan bersama itu, tempoh yang diperuntukkan dalam subperenggan (b) perenggan 1 akan terhenti sehingga penangguhan itu dibatalkan.

3. Jika kedua-dua pihak berkuasa berwibawa bersetuju bahawa seseorang yang terjejas secara langsung oleh kes itu telah gagal untuk menyediakan dalam tempoh yang ditetapkan apa-apa maklumat material tambahan yang diminta oleh mana-mana pihak berkuasa berwibawa selepas bermulanya tempoh yang diperuntukkan dalam subperenggan (b) perenggan 1, tempoh yang diperuntukkan dalam subperenggan (b) perenggan 1 hendaklah dilanjutkan kepada suatu masa yang sama dengan tempoh itu yang bermula pada tarikh yang maklumat itu telah diminta dan berakhir pada tarikh yang maklumat itu diberikan.

4. (a) Keputusan timbang tara berkenaan dengan isu yang dikemukakan kepada timbang tara hendaklah dilaksanakan melalui persetujuan

bersama berkaitan dengan kes yang disebut dalam perenggan 1. Keputusan timbang tara adalah muktamad.

- (b) Keputusan timbang tara hendaklah mengikat kedua-dua Bidang Kuasa Pejanji kecuali dalam hal yang berikut:
- (i) jika seseorang yang terjejas secara langsung oleh kes itu tidak menerima persetujuan bersama yang melaksanakan keputusan timbang tara itu. Dalam hal itu, kes itu tidak layak bagi apa-apa pertimbangan selanjutnya oleh pihak berkuasa berwajib. Persetujuan bersama yang melaksanakan keputusan timbang tara hendaklah dianggap sebagai tidak diterima oleh orang yang terjejas secara langsung oleh kes itu jika mana-mana orang yang terjejas secara langsung oleh kes itu tidak, dalam tempoh 60 hari selepas tarikh yang pemberitahuan persetujuan bersama dihantar kepada orang itu, menarik balik semua isu yang diselesaikan dalam persetujuan bersama bagi melaksanakan keputusan timbang tara daripada pertimbangan oleh mana-mana mahkamah atau tribunal pentadbiran atau selainnya menamatkan apa-apa prosiding mahkamah atau pentadbiran yang belum selesai berkenaan dengan apa-apa isu dalam cara yang selaras dengan persetujuan bersama itu.
 - (ii) jika suatu keputusan akhir mahkamah satu Bidang Kuasa Pejanji memutuskan bahawa keputusan timbang tara itu adalah tidak sah. Dalam hal itu, permintaan bagi timbang tara di bawah perenggan 1 hendaklah dianggap tidak pernah dibuat, dan proses timbang tara itu hendaklah dianggap tidak pernah dijalankan [kecuali bagi maksud Perkara 21 (Kerahsiaan Prosiding Timbang Tara) dan 25 (Kos bagi Prosiding Timbang Tara)]. Dalam hal itu, suatu permintaan baharu bagi timbang tara boleh dibuat melainkan

jika pihak berkuasa berwibawa bersetuju bahawa apa-apa permintaan baharu itu tidak boleh dibenarkan.

- (iii) jika seseorang yang terjejas secara langsung oleh kes itu meneruskan litigasi mengenai isu yang telah diselesaikan dalam persetujuan bersama bagi melaksanakan keputusan timbang tara itu dalam mana-mana mahkamah atau tribunal pentadbiran.

5. Pihak berkuasa berwibawa yang menerima permintaan awal bagi suatu tatacara persetujuan bersama sebagaimana yang diperihalkan dalam subperenggan (a) perenggan 1 hendaklah, dalam tempoh dua bulan kalendar dari penerimaan permintaan itu:

- (a) menghantar suatu pemberitahuan kepada orang yang mengemukakan kes itu bahawa pihak berkuasa berwibawa telah menerima permintaan itu; dan
- (b) menghantar suatu pemberitahuan tentang permintaan itu, bersama dengan suatu salinan permintaan itu, kepada pihak berkuasa berwibawa Bidang Kuasa Pejanji yang satu lagi.

6. Dalam tempoh tiga bulan kalendar selepas suatu pihak berkuasa berwibawa menerima permintaan bagi suatu tatacara persetujuan bersama (atau suatu salinannya daripada pihak berkuasa berwibawa Bidang Kuasa Pejanji yang satu lagi itu) pihak berkuasa berwibawa itu hendaklah sama ada:

- (a) memberitahu orang yang telah mengemukakan kes itu dan pihak berkuasa berwibawa yang satu lagi itu bahawa pihak berkuasa berwibawa telah menerima maklumat yang diperlukan untuk membuat pertimbangan yang substantif terhadap kes itu; atau
- (b) meminta maklumat tambahan daripada orang itu bagi maksud itu.

7. Jika menurut subperenggan (b) perenggan 6, satu atau kedua-dua pihak berkuasa berwibawa telah meminta daripada orang yang mengemukakan kes itu maklumat tambahan yang diperlukan untuk membuat pertimbangan substantif terhadap kes itu, pihak berkuasa berwibawa yang meminta maklumat tambahan itu hendaklah, dalam tempoh tiga bulan kalendar dari penerimaan maklumat tambahan daripada orang itu, memberitahu orang itu dan pihak berkuasa berwibawa yang satu lagi itu sama ada:

- (a) pihak berkuasa berwibawa telah menerima maklumat yang diminta; atau
- (b) sebahagian daripada maklumat yang diminta itu masih tiada.

8. Jika tiada pihak berkuasa berwibawa meminta maklumat tambahan menurut subperenggan (b) perenggan 6, tarikh permulaan yang disebut dalam perenggan 1 hendaklah tarikh yang lebih awal dari:

- (a) tarikh yang kedua-dua pihak berkuasa berwibawa telah memberitahu orang yang mengemukakan kes menurut subperenggan (a) perenggan 6; dan
- (b) tarikh tiga bulan kalendar selepas pemberitahuan kepada pihak berkuasa berwibawa Bidang Kuasa Pejanji yang satu lagi menurut subperenggan (b) perenggan 5.

9. Jika maklumat tambahan telah diminta menurut subperenggan (b) perenggan 6, tarikh permulaan yang disebut dalam perenggan 1 hendaklah tarikh yang lebih awal dari:

- (a) tarikh yang terkemudian yang pihak berkuasa berwibawa meminta maklumat tambahan telah memberitahu orang yang mengemukakan kes itu dan pihak berkuasa berwibawa yang satu lagi itu menurut subperenggan (a) perenggan 7; dan

- (b) tarikh tiga bulan kalendar selepas kedua-dua pihak berkuasa berwibawa telah menerima semua maklumat yang diminta oleh mana-mana pihak berkuasa berwibawa daripada orang yang mengemukakan kes itu. Jika, walau bagaimanapun, satu atau kedua-dua pihak berkuasa berwibawa menghantar pemberitahuan yang disebut dalam subperenggan (b) perenggan 7, pemberitahuan itu hendaklah dikira sebagai suatu permintaan bagi maklumat tambahan di bawah subperenggan (b) perenggan 6.

10. Pihak berkuasa berwibawa Bidang Kuasa Pejanji hendaklah melalui persetujuan bersama (menurut perkara Perjanjian Cukai yang Diliputi yang berkaitan dengan tatacara bagi persetujuan bersama) menyelesaikan cara pemakaian peruntukan yang terkandung dalam Bahagian ini, termasuk maklumat minimum yang diperlukan oleh setiap pihak berkuasa berwibawa untuk membuat pertimbangan substantif terhadap kes itu. Persetujuan itu hendaklah dimuktamadkan sebelum tarikh isu yang tidak diselesaikan dalam suatu kes mula-mula layak dikemukakan kepada timbang tara dan boleh diubah suai dari semasa ke semasa selepas tarikh itu.

11. Bagi maksud pemakaian Perkara ini bagi Perjanjian Cukai yang Diliputinya, suatu Pihak boleh mengekalkan untuk menggantikan tempoh dua tahun yang ditetapkan dalam subperenggan (b) perenggan 1 dengan tempoh tiga tahun.

12. Suatu Pihak boleh mengekalkan hak bagi kaedah-kaedah yang berikut terpakai berkenaan dengan Perjanjian Cukai yang Diliputinya walau apa pun peruntukan lain Perkara ini:

- (a) apa-apa isu yang tidak diselesaikan yang timbul daripada suatu kes tatacara persetujuan bersama selain dalam skop proses timbang tara yang diperuntukkan oleh Konvensyen ini tidak diserahkan kepada timbang tara, jika suatu keputusan mengenai isu ini telah diberikan oleh mahkamah atau tribunal pentadbiran mana-mana Bidang Kuasa Pejanji;

- (b) jika, pada bila-bila masa selepas suatu permintaan bagi timbang tara telah dibuat dan sebelum panel timbang tara menyampaikan keputusannya kepada pihak berkuasa berwibawa Bidang Kuasa Pejanji itu, suatu keputusan berkaitan dengan isu itu telah diberikan oleh mahkamah atau tribunal pentadbiran satu Bidang Kuasa Pejanji, proses timbang tara hendaklah ditamatkan.

Perkara 20 – Pelantikan Penimbang Tara

1. Kecuali setakat yang pihak berkuasa berwibawa Bidang Kuasa Pejanji saling bersetuju mengenai kaedah-kaedah yang berbeza, perenggan 2 hingga 4 hendaklah terpakai bagi maksud Bahagian ini.
2. Kaedah-kaedah yang berikut hendaklah mengawal selia pelantikan anggota panel timbang tara:
 - (a) Panel timbang tara hendaklah terdiri daripada tiga individu anggota dengan kepakaran atau pengalaman dalam perkara cukai antarabangsa.
 - (b) Setiap pihak berkuasa berwibawa hendaklah melantik seorang anggota panel dalam tempoh 60 hari dari tarikh permintaan bagi timbang tara di bawah perenggan 1 Perkara 19 (Timbang Tara Mengikat Mandatori). Kedua-dua anggota panel yang dilantik hendaklah, dalam tempoh 60 hari dari pelantikan yang terkemudian, melantikan anggota ketiga yang akan menjadi Pengerusi panel timbang tara. Pengerusi itu bukan merupakan rakyat atau pemastautin mana-mana Bidang Kuasa Pejanji.
 - (c) Setiap anggota yang dilantik menjad panel timbang tara hendaklah saksama kepada dan bebas daripada pihak berkuasa berwibawa, pentadbiran cukai, dan kementerian kewangan Bidang Kuasa Pejanji dan semua orang yang terjejas secara langsung dengan kes itu

(serta penasihatnya) pada masa penerimaan suatu pelantikan, mengekalkan kesaksamaan dan kebebasannya sepanjang prosiding, dan mengelakkan apa-apa kelakuan bagi suatu tempoh yang munasabah selepas itu yang boleh menjejaskan kesaksamaan dan kebebasan penimbang tara berkenaan dengan prosiding itu.

3. Dalam keadaan pihak berkuasa berwibawa suatu Bidang Kuasa Pejanji tidak melantik seorang anggota panel timbang tara mengikut cara dan dalam tempoh masa yang dinyatakan dalam perenggan 2 atau yang dipersetujui oleh pihak berkuasa berwibawa Bidang Kuasa Pejanji itu, seorang anggota hendaklah dilantik bagi pihak berkuasa berwibawa itu oleh pegawai berpangkat tertinggi Pusat Polisi Cukai dan Pentadbiran Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi yang bukan merupakan rakyat mana-mana Bidang Kuasa Pejanji.

4. Jika dua anggota awal panel timbang tara itu tidak melantik Pengerusi mengikut cara dan dalam tempoh masa yang dinyatakan dalam perenggan 2 atau yang dipersetujui oleh pihak berkuasa berwibawa Bidang Kuasa Pejanji, Pengerusi itu hendaklah dilantik oleh pegawai berpangkat tertinggi Pusat Polisi Cukai dan Pentadbiran Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi yang bukan merupakan rakyat mana-mana Bidang Kuasa Pejanji.

Perkara 21 – Kerahsiaan Prosiding Timbang Tara

1. Semata-mata bagi maksud pemakaian peruntukan Bahagian ini dan peruntukan Perjanjian Cukai yang Diliputi yang berkaitan dan undang-undang domestik Bidang Kuasa Pejanji berkaitan dengan pertukaran maklumat, kerahsiaan, dan bantuan pentadbiran, anggota panel timbang tara dan tiga orang kakitangan maksimum bagi setiap anggota (dan bakal penimbang tara semata-mata setakat yang diperlukan untuk menentusahkan kemampuan mereka untuk memenuhi kehendak penimbang tara) hendaklah dianggap sebagai orang atau pihak berkuasa yang kepadanya maklumat boleh didedahkan. Maklumat yang diterima oleh panel timbang tara atau bakal penimbang tara dan maklumat yang diterima oleh pihak berkuasa berwibawa

daripada panel timbang tara hendaklah dianggap sebagai maklumat yang ditukar di bawah peruntukan Perjanjian Cukai yang Diliputi berkaitan dengan pertukaran maklumat dan bantuan pentadbiran.

2. Pihak berkuasa berwibawa Bidang Kuasa Pejanji hendaklah memastikan bahawa anggota panel timbang tara dan kakitangan mereka bersetuju secara bertulis, sebelum mereka terlibat dalam prosiding timbang tara, untuk mengendalikan apa-apa maklumat yang berhubungan dengan prosiding timbang tara secara berterusan dengan kerahsiaan dan obligasi ketakdedahan yang diperihalkan dalam peruntukan Perjanjian Cukai yang Diliputi berkaitan dengan pertukaran maklumat dan bantuan pentadbiran dan di bawah undang-undang yang terpakai di Bidang Kuasa Pejanji itu.

Perkara 22 – Penyelesaian Kes sebelum Timbang Tara Dimuktamadkan

Bagi maksud Bahagian ini dan peruntukan Perjanjian Cukai yang Diliputi yang berkaitan yang memperuntukkan bagi penyelesaian kes melalui persetujuan bersama, tatacara persetujuan bersama itu, serta prosiding timbang tara, berkenaan dengan suatu kes hendaklah ditamatkan jika, pada bila-bila masa selepas suatu permintaan bagi timbang tara telah dibuat dan sebelum panel timbang tara menyampaikan keputusannya kepada pihak berkuasa berwibawa Bidang Kuasa Pejanji:

- (a) pihak berkuasa berwibawa Bidang Kuasa Pejanji itu mencapai suatu persetujuan bersama untuk menyelesaikan kes itu; atau
- (b) orang yang mengemukakan kes itu menarik balik permintaan bagi timbang tara atau permintaan bagi suatu tatacara persetujuan bersama.

Perkara 23 – Jenis Proses Timbang Tara

1. Kecuali setakat yang pihak berkuasa berwibawa Bidang Kuasa Pejanji saling bersetuju mengenai kaedah-kaedah yang berbeza, kaedah-kaedah yang berikut hendaklah terpakai berkenaan dengan prosiding timbang tara menurut Bahagian ini:

- (a) Selepas suatu kes dikemukakan kepada timbang tara, pihak berkuasa berwibawa setiap Bidang Kuasa Pejanji hendaklah mengemukakan kepada panel timbang tara, sebelum suatu tarikh yang ditetapkan dengan persetujuan, suatu cadangan penyelesaian yang menyatakan semua isu yang belum diselesaikan dalam kes itu (dengan mengambil kira semua persetujuan terdahulu yang dicapai dalam kes itu antara pihak berkuasa berwibawa Bidang Kuasa Pejanji). Penyelesaian yang dicadangkan hendaklah dihadkan kepada penyelesaian amaun kewangan tertentu (contohnya, pendapatan atau perbelanjaan) atau, jika dinyatakan, kadar cukai maksimum yang dikenakan menurut Perjanjian Cukai yang Diliputi itu, bagi setiap pelarasan atau isu serupa dalam kes itu. Dalam hal jika suatu pihak berkuasa berwibawa Bidang Kuasa Pejanji tidak dapat mencapai persetujuan mengenai isu berhubung dengan syarat-syarat bagi pemakaian suatu peruntukan Perjanjian Cukai yang Diliputi yang berkaitan (selepas daripada ini disebut “persoalan ambang”), contohnya sama ada seorang individu merupakan pemastautin atau sama ada suatu establismen tetap wujud, pihak berkuasa berwibawa boleh mengemukakan cadangan penyelesaian alternatif berkenaan dengan isu itu yang penentuannya bergantung kepada penyelesaian persoalan ambang itu.
- (b) Pihak berkuasa berwibawa setiap Bidang Kuasa Pejanji boleh juga mengemukakan kertas pendirian sokongan untuk pertimbangan oleh panel timbang tara. Setiap Bidang Kuasa Pejanji yang mengemukakan suatu cadangan penyelesaian atau kertas pendirian sokongan hendaklah memberikan suatu salinan kepada pihak berkuasa berwibawa yang satu lagi sebelum suatu tarikh cadangan penyelesaian dan kertas pendirian sokongan itu berakhir. Setiap pihak berkuasa berwibawa boleh juga mengemukakan kepada panel timbang tara, sebelum suatu tarikh yang ditetapkan dengan persetujuan, suatu penghujahan jawapan berkenaan dengan cadangan penyelesaian itu dan kertas pendirian sokongan yang dikemukakan oleh pihak berkuasa berwibawa yang satu lagi. Suatu salinan

mana-mana penghujahan jawapan hendaklah diberikan kepada pihak berkuasa berwibawa yang satu lagi sebelum tarikh penghujahan jawapan itu berakhir.

- (c) Panel timbang tara hendaklah memilih satu daripada cadangan penyelesaian sebagai keputusannya bagi kes yang dikemukakan oleh pihak berkuasa berwibawa berkenaan dengan setiap isu dan apa-apa persoalan ambang, dan tidak mengandungi sebab atau apa-apa penjelasan lain bagi keputusan itu. Keputusan timbang tara akan dibuat dengan suatu majoriti mudah oleh anggota panel. Anggota panel hendaklah menyampaikan keputusannya secara bertulis kepada pihak berkuasa berwibawa Bidang Kuasa Pejanji itu. Keputusan timbang tara itu tidak mempunyai nilai duluan.

2. Bagi maksud pemakaian Perkara ini berkenaan dengan Perjanjian Cukai yang Diliputinya, suatu Pihak boleh mengekalkan hak bagi perenggan 1 tidak terpakai bagi Perjanjian Cukai yang Diliputinya. Dalam hal itu, kecuali setakat yang pihak berkuasa berwibawa Bidang Kuasa Pejanji saling bersetuju mengenai kaedah-kaedah yang berbeza, kaedah-kaedah yang berikut hendaklah terpakai berkenaan dengan prosiding timbang tara:

- (a) Selepas suatu kes dikemukakan kepada timbang tara, pihak berkuasa berwibawa setiap Bidang Kuasa Pejanji hendaklah memberikan apa-apa maklumat yang perlu bagi keputusan timbang tara kepada semua anggota panel tanpa kelengahan tak wajar. Melainkan jika pihak berkuasa berwibawa Bidang Kuasa Pejanji bersetuju selainnya, apa-apa maklumat yang tiada pada kedua-dua pihak berkuasa berwibawa sebelum permintaan bagi timbang tara diterima oleh kedua-duanya, tidak boleh diambil kira bagi maksud keputusan itu.
- (b) Panel timbang tara hendaklah menentukan isu yang dikemukakan kepada timbang tara mengikut peruntukan yang terpakai bagi Perjanjian Cukai

yang Diliputi itu dan, tertakluk kepada peruntukan-peruntukan ini, undang-undang domestik Bidang Kuasa Pejanji itu. Anggota panel hendaklah juga mempertimbangkan apa-apa sumber lain yang pihak berkuasa berwibawa Bidang Kuasa Pejanji boleh mengenal pasti secara jelas melalui persetujuan bersama.

- (c) Keputusan timbang tara hendaklah disampaikan kepada pihak berkuasa berwibawa Bidang Kuasa Pejanji itu secara bertulis dan hendaklah menunjukkan sumber undang-undang yang disandarkan dan alasan yang membawa kepada keputusannya. Keputusan timbang tara hendaklah dibuat dengan suatu majoriti mudah anggota panel. Keputusan timbang tara itu tidak mempunyai nilai duluan.

3. Suatu Pihak yang tidak membuat reservasi yang diperihalkan dalam perenggan 2 boleh mengekalkan hak bagi perenggan terdahulu Perkara ini tidak terpakai berkenaan dengan Perjanjian Cukai yang Diliputinya dengan Pihak-Pihak yang membuat apa-apa reservasi. Dalam hal itu, pihak berkuasa berwibawa Bidang Kuasa Pejanji setiap Perjanjian Cukai yang Diliputi hendaklah berusaha untuk mencapai persetujuan bagi jenis proses timbang tara yang akan terpakai berkenaan dengan Perjanjian Cukai yang Diliputi itu. Sehingga apa-apa persetujuan dicapai, Perkara 19 (Timbang Tara Mengikat Mandatori) tidak terpakai berkenaan dengan suatu Perjanjian Cukai yang Diliputi itu.

4. Suatu Pihak juga boleh memilih untuk memakai perenggan 5 berkenaan dengan Perjanjian Cukai yang Diliputinya dan hendaklah memberitahu Depositori dengan sewajarnya. Perenggan 5 hendaklah terpakai berhubung dengan dua Bidang Kuasa Pejanji berkenaan dengan suatu Perjanjian Cukai yang Diliputi jika mana-mana Bidang Kuasa Pejanji telah membuat apa-apa pemberitahuan.

5. Sebelum bermulanya prosiding timbang tara, pihak berkuasa berwibawa Bidang Kuasa Pejanji kepada suatu Perjanjian Cukai yang Diliputi hendaklah memastikan bahawa setiap orang yang mengemukakan kes dan penasihat mereka bersetuju

secara bertulis untuk tidak mendedahkan kepada mana-mana orang lain apa-apa maklumat yang diterima sepanjang perjalanan prosiding timbang tara daripada mana-mana pihak berkuasa berwibawa atau panel timbang tara itu. Tatacara persetujuan bersama di bawah Perjanjian Cukai yang Diliputi itu, serta prosiding timbang tara di bawah Bahagian ini, berkenaan dengan kes itu hendaklah ditamatkan jika, pada bila-bila masa selepas suatu permintaan timbang tara dibuat dan sebelum panel timbang tara menyampaikan keputusannya kepada pihak berkuasa berwibawa Bidang Kuasa Pejanji, seseorang yang mengemukakan kes itu atau satu daripada penasihatnya melanggar persetujuan itu secara material.

6. Walau apa pun perenggan 4, suatu Pihak yang tidak memilih untuk memakai perenggan 5 boleh mengekalkan hak bagi perenggan 5 tidak terpakai berkenaan dengan satu atau lebih Perjanjian Cukai yang Diliputi yang dikenal pasti atau berkenaan dengan semua Perjanjian Cukai yang Diliputinya.

7. Suatu Pihak yang memilih untuk memakai perenggan 5 boleh mengekalkan hak bagi Bahagian ini tidak terpakai berkenaan dengan semua Perjanjian Cukai yang Diliputi yang baginya Bidang Kuasa Pejanji yang satu lagi membuat reservasi menurut perenggan 6.

Perkara 24 – Persetujuan atas Penyelesaian Berbeza

1. Bagi maksud pemakaian Bahagian ini berkenaan dengan Perjanjian Cukai yang Diliputinya, suatu Pihak boleh memilih untuk memakai perenggan 2 dan hendaklah memberitahu Depositori dengan sewajarnya. Perenggan 2 hendaklah terpakai berhubung dengan dua Bidang Kuasa Pejanji berkenaan dengan suatu Perjanjian Cukai yang Diliputi hanya jika kedua-dua Bidang Kuasa Pejanji telah membuat apa-apa pemberitahuan.

2. Walau apa pun perenggan 4 Perkara 19 (Timbang Tara Mengikat Mandatori), suatu keputusan timbang tara menurut Bahagian ini tidak mengikat Bidang Kuasa Pejanji kepada suatu Perjanjian Cukai yang Diliputi dan tidak dilaksanakan jika pihak berkuasa

berwibawa Bidang Kuasa Pejanji bersetuju atas suatu penyelesaian berbeza untuk semua isu yang tidak diselesaikan dalam tempoh tiga bulan kalendar selepas keputusan timbang tara telah disampaikan kepada mereka.

3. Suatu Pihak yang memilih untuk memakai perenggan 2 boleh mengekalkan hak bagi perenggan 2 terpakai hanya berkenaan dengan Perjanjian Cukai yang Diliputinya yang baginya perenggan 2 Perkara 23 (Jenis Proses Timbang Tara) terpakai.

Perkara 25 – Kos Timbang Tara

Dalam suatu prosiding timbang tara di bawah Bahagian ini, fi dan perbelanjaan anggota panel timbang tara, serta apa-apa kos yang dibelanjakan berkaitan dengan prosiding timbang tara oleh Bidang Kuasa Pejanji, hendaklah ditanggung oleh Bidang Kuasa Pejanji mengikut cara yang akan diselesaikan melalui persetujuan bersama antara pihak berkuasa berwibawa Bidang Kuasa Pejanji itu. Jika sekiranya tidak ada persetujuan itu, setiap Bidang Kuasa Pejanji hendaklah menanggung perbelanjaannya sendiri dan perbelanjaan anggota panel yang dilantiknya. Kos pengerusi panel timbang tara dan perbelanjaan lain yang berkaitan dengan perjalanan prosiding timbang tara hendaklah ditanggung oleh Bidang Kuasa Pejanji mengikut pembahagian yang sama.

Perkara 26 – Keselarasan

1. Tertakluk kepada Perkara 18 (Pilihan untuk Memakai Bahagian VI), peruntukan Bahagian ini hendaklah terpakai sebagai ganti atau jika sekiranya tidak ada peruntukan suatu Perjanjian Cukai yang Diliputi yang memperuntukkan tentang timbang tara bagi isu yang tidak diselesaikan yang timbul daripada suatu kes tatacara persetujuan bersama. Setiap Pihak yang memilih untuk memakai Bahagian ini hendaklah memberitahu Depositori sama ada setiap Perjanjian Cukai yang Diliputinya, selain Perjanjian Cukai yang Diliputi yang ada dalam skop reservasi di bawah perenggan 4, mengandungi apa-apa peruntukan, dan jika sedemikian, nombor perkara dan nombor perenggan setiap peruntukan itu. Jika dua Bidang Kuasa Pejanji telah membuat suatu pemberitahuan berkenaan dengan peruntukan suatu Perjanjian Cukai

yang Diliputi, peruntukan itu hendaklah digantikan dengan peruntukan Bahagian ini antara Bidang Kuasa Pejanji itu.

2. Apa-apa isu yang tidak diselesaikan yang timbul daripada suatu kes tatacara persetujuan bersama yang selainnya dalam skop proses timbang tara yang diperuntukkan dalam Bahagian ini tidak dikemukakan kepada timbang tara jika isu itu tergolong dalam skop suatu kes berkenaan dengan suatu panel timbang tara atau badan yang serupa telah ditubuhkan mengikut suatu konvensyen dua hala atau pelbagai hala yang memperuntukkan bagi timbang tara mengikat mandatori isu yang tidak diselesaikan yang timbul daripada kes tatacara persetujuan bersama.

3. Tertakluk kepada perenggan 1, tiada apa-apa dalam Bahagian ini boleh menjejaskan pematuhan obligasi yang lebih besar berkenaan dengan timbang tara isu yang tidak diselesaikan yang timbul dalam konteks suatu tatacara persetujuan bersama yang disebabkan oleh konvensyen lain yang baginya Bidang Kuasa Pejanji itu merupakan pihak-pihak atau akan menjadi pihak-pihak.

4. Suatu Pihak boleh mengekalkan hak bagi Bahagian ini tidak terpakai berkenaan dengan satu atau lebih Perjanjian Cukai yang Diliputi yang dikenal pasti (atau kepada semua Perjanjian Cukai yang Diliputinya) yang telah sedia ada memperuntukkan bagi timbang tara mengikat mandatori isu yang tidak diselesaikan yang timbul daripada suatu kes tatacara persetujuan bersama.

BAHAGIAN VII PERUNTUKAN AKHIR

Perkara 27 – Tandatangan dan Ratifikasi, Penerimaan atau Kelulusan

1. Setakat 31 Disember 2016, Konvensyen ini hendaklah terbuka untuk ditandatangani oleh:

- (a) semua Negara;

- (b) Guernsey (United Kingdom Great Britain dan Ireland Utara); Isle of Man (United Kingdom Great Britain dan Ireland Utara); Jersey (United Kingdom Great Britain dan Ireland Utara); dan
 - (c) mana-mana bidang kuasa lain yang diberi kuasa untuk menjadi suatu Pihak dengan cara suatu keputusan konsensus Pihak-Pihak dan Penandatanganan-Penandatanganan.
2. Konvensyen ini adalah tertakluk kepada ratifikasi, penerimaan atau kelulusan.

Perkara 28 – Reservasi

1. Tertakluk kepada perenggan 2, tiada reservasi yang boleh dibuat kepada Konvensyen ini kecuali reservasi yang dibenarkan secara jelas oleh:
- (a) Perenggan 5 Perkara 3 (Entiti yang Telus);
 - (b) Perenggan 3 Perkara 4 (Entiti Dwipemastautin);
 - (c) Perenggan 8 dan 9 Perkara 5 (Pemakaian Kaedah bagi Penghapusan Pencukaaian Dua Kali);
 - (d) Perenggan 4 Perkara 6 (Tujuan Perjanjian Cukai yang Diliputi);
 - (e) Perenggan 15 dan 16 Perkara 7 (Pencegahan Penyalahgunaan Triti);
 - (f) Perenggan 3 Perkara 8 (Transaksi Pindahan Dividen);
 - (g) Perenggan 6 Perkara 9 (Laba Modal daripada Pemberimilikan Syer atau Kepentingan Entiti yang Nilai Utamanya Diperoleh daripada Harta Tak Alih);

- (h) Perenggan 5 Perkara 10 (Kaedah Anti Penyalahgunaan untuk Establismen Tetap yang Terletak di Bidang Kuasa Ketiga);
- (i) Perenggan 3 Perkara 11 (Pemakaian Perjanjian Cukai untuk Menyekat Hak suatu Pihak untuk Mengenakan Cukai terhadap Pemastautinnya Sendiri);
- (j) Perenggan 4 Perkara 12 (Pengelakan Status Establismen Tetap secara Palsu melalui Perkiraan *Commissionaire* dan Strategi Serupa);
- (k) Perenggan 6 Perkara 13 (Pengelakan Status Establismen Tetap secara Palsu melalui Pengecualian Aktiviti Tertentu);
- (l) Perenggan 3 Perkara 14 (Pemecahan Kontrak);
- (m) Perenggan 2 Perkara 15 (Takrif Orang yang Berkait Rapat dengan suatu Perusahaan);
- (n) Perenggan 5 Perkara 16 (Tatacara Persetujuan Bersama);
- (o) Perenggan 3 Perkara 17 (Pelarasan yang Sepadan);
- (p) Perenggan 11 dan 12 Perkara 19 (Timbang Tara Mengikat Mandatori);
- (q) Perenggan 2, 3, 6 dan 7 Perkara 23 (Jenis Proses Timbang Tara);
- (r) Perenggan 3 Perkara 24 (Persetujuan atas Penyelesaian Berbeza);
- (s) Perenggan 4 Perkara 26 (Keselarasan);
- (t) Perenggan 6 dan 7 Perkara 35 (Permulaan Kuat Kuasa); dan
- (u) Perenggan 2 Perkara 36 (Permulaan Kuat Kuasa Bahagian VI).

2. (a) Walau apa pun perenggan 1, suatu Pihak yang memilih di bawah Perkara 18 (Pilihan untuk Memakai Bahagian VI) untuk memakai Bahagian VI (Timbang Tara) boleh membentuk satu atau lebih reservasi berkenaan dengan skop kes yang layak bagi timbang tara di bawah peruntukan Bahagian VI (Timbang Tara). Bagi suatu Pihak yang memilih di bawah Perkara 18 (Pilihan untuk Memakai Bahagian VI) untuk memakai Bahagian VI (Timbang Tara) selepas ia telah menjadi suatu Pihak kepada Konvensyen ini, reservasi menurut subperenggan ini hendaklah dibuat pada masa yang sama sebagaimana pemberitahuan Pihak itu kepada Depositori menurut Perkara 18 (Pilihan untuk Memakai Bahagian VI).
 - (b) Reservasi yang dibuat di bawah subperenggan (a) adalah tertakluk kepada penerimaan. Suatu reservasi yang dibuat di bawah subperenggan (a) hendaklah dianggap telah diterima oleh suatu Pihak jika Pihak itu tidak memberitahu Depositori bahawa Pihak itu membantah reservasi itu sebelum habis suatu tempoh dua belas bulan kalendar yang bermula dari tarikh pemberitahuan reservasi itu oleh Depositori atau sebelum tarikh yang Pihak itu mendepositkan surat cara ratifikasi, penerimaan atau kelulusannya, mengikut mana-mana yang terkemudian. Bagi suatu Pihak yang memilih di bawah Perkara 18 (Pilihan untuk Memakai Bahagian VI) untuk memakai Bahagian VI (Timbang Tara) selepas ia menjadi suatu Pihak kepada Konvensyen ini, bantahan kepada reservasi terdahulu yang dibuat oleh Pihak-Pihak lain menurut subperenggan (a) boleh dibuat pada masa pemberitahuan oleh Pihak yang mula-mula disebut itu kepada Depositori menurut Perkara 18 (Pilihan untuk Memakai Bahagian VI). Jika suatu Pihak membangkitkan suatu bantahan kepada suatu reservasi yang dibuat di bawah subperenggan (a), keseluruhan Bahagian VI (Timbang Tara) tidak terpakai antara pihak yang membantah dan pihak yang membuat reservasi.
3. Melainkan jika diperuntukkan secara jelas selainnya dalam peruntukan yang berkaitan Konvensyen ini, reservasi yang dibuat mengikut perenggan 1 atau 2 hendaklah:

- (a) mengubah suai, bagi Pihak yang membuat reservasi itu dalam hubungannya dengan Pihak yang lain, peruntukan Konvensyen ini yang baginya reservasi itu berkaitan, setakat reservasi itu; dan
- (b) mengubah suai peruntukan itu setakat yang sama bagi Pihak yang satu lagi dalam hubungannya dengan Pihak yang membuat reservasi itu.

4. Reservasi yang terpakai bagi Perjanjian Cukai yang Diliputi yang dibuat oleh atau bagi pihak suatu bidang kuasa atau wilayah yang baginya suatu Pihak itu bertanggungjawab akan hubungan antarabangnya, jika bidang kuasa atau wilayah itu bukan merupakan suatu Pihak kepada Konvensyen menurut subperenggan (b) atau (c) perenggan 1 Perkara 27 (Tandatangan dan Ratifikasi, Penerimaan atau Kelulusan), hendaklah dibuat oleh Pihak yang bertanggungjawab dan boleh berbeza daripada reservasi yang dibuat oleh Pihak itu bagi Perjanjian Cukai yang Diliputinya sendiri.

5. Reservasi hendaklah dibuat pada masa tandatangan atau apabila surat cara ratifikasi, penerimaan atau kelulusan didepositkan, tertakluk kepada peruntukan perenggan 2, 6 dan 9 Perkara ini, dan perenggan 5 Perkara 29 (Pemberitahuan). Walau bagaimanapun, bagi suatu Pihak yang memilih di bawah Perkara 18 (Pilihan untuk Memakai Bahagian VI) untuk memakai Bahagian VI (Timbang Tara) selepas ia telah menjadi suatu Pihak kepada Konvensyen ini, reservasi yang diperihalkan dalam subperenggan (p), (q), (r) dan (s) perenggan 1 Perkara ini hendaklah dibuat pada masa yang sama sebagaimana pemberitahuan Pihak itu kepada Depositori menurut Perkara 18 (Pilihan untuk Memakai Bahagian VI).

6. Jika reservasi dibuat pada masa tandatangan, reservasi itu hendaklah disahkan apabila surat cara ratifikasi, penerimaan atau kelulusan didepositkan, melainkan jika dokumen itu yang mengandungi pemberitahuan yang secara jelas menyatakan bahawa pemberitahuan itu hendaklah dianggap sebagai muktamad, tertakluk kepada peruntukan perenggan 2, 5 dan 9 Perkara ini, dan perenggan 5 Perkara 29 (Pemberitahuan).

7. Jika reservasi tidak dibuat pada masa tandatangan, suatu senarai sementara reservasi yang dijangka hendaklah diberikan kepada Depositori pada masa itu.

8. Bagi reservasi yang dibuat menurut setiap peruntukan yang berikut, suatu senarai perjanjian yang diberitahu menurut klausa (ii) subperenggan (a) perenggan 1 Perkara 2 (Tafsiran Istilah) yang tergolong dalam skop reservasi sebagaimana yang ditakrifkan dalam peruntukan yang berkaitan (dan, dalam hal suatu reservasi di bawah mana-mana peruntukan yang berikut selain yang disenaraikan dalam subperenggan (c), (d) dan (n), nombor perkara dan nombor perenggan setiap peruntukan yang berkaitan) hendaklah diberikan apabila reservasi itu dibuat:

- (a) Subperenggan (b), (c), (d), (e) dan (g) perenggan 5 Perkara 3 (Entiti yang Telus);
- (b) Subperenggan (b), (c) dan (d) perenggan 3 Perkara 4 (Entiti Dwipemastautin);
- (c) Perenggan 8 dan 9 Perkara 5 (Pemakaian Kaedah bagi Penghapusan Pencukaaian Dua Kali);
- (d) Perenggan 4 Perkara 6 (Tujuan suatu Perjanjian Cukai yang Diliputi);
- (e) Subperenggan (b) dan (c) perenggan 15 Perkara 7 (Pencegahan Penyalahgunaan Triti);
- (f) Klausa (i), (ii) dan (iii) subperenggan (b) perenggan 3 Perkara 8 (Transaksi Pindahan Dividen);
- (g) Subperenggan (d), (e) dan (f) perenggan 6 Perkara 9 (Laba Modal daripada Pemberimilikan Syer atau Kepentingan Entiti yang Nilai Utamanya diperoleh daripada Harta Tak Alih);

- (h) Subperenggan (b) dan (c) perenggan 5 Perkara 10 (Kaedah Anti Penyalahgunaan bagi Establismen Tetap yang Terletak di Bidang Kuasa Ketiga);
- (i) Subperenggan (b) perenggan 3 Perkara 11 (Pemakaian Perjanjian Cukai untuk Menyekat Hak suatu Pihak untuk Mengenakan Cukai terhadap Pemastautinnya Sendiri);
- (j) Subperenggan (b) perenggan 6 Perkara 13 (Pengelakan Status Establismen Tetap secara Palsu melalui Pengecualian Aktiviti Tertentu);
- (k) Subperenggan (b) perenggan 3 Perkara 14 (Pemecahan Kontrak);
- (l) Subperenggan (b) perenggan 5 Perkara 16 (Tatacara Persetujuan Bersama);
- (m) Subperenggan (a) perenggan 3 Perkara 17 (Pelarasan yang Sepadan);
- (n) Perenggan 6 Perkara 23 (Jenis Proses Timbang Tara); dan
- (o) Perenggan 4 Perkara 26 (Keselarasan).

Reservasi yang diperihalkan dalam subperenggan (a) hingga (o) di atas tidak terpakai bagi mana-mana Perjanjian Cukai yang Diliputi yang tidak termasuk dalam senarai yang diperihalkan dalam perenggan ini.

9. Mana-mana Pihak yang telah membuat suatu reservasi mengikut perenggan 1 atau 2 boleh pada bila-bila masa menarik balik atau menggantikannya dengan suatu reservasi yang lebih terhad dengan cara suatu pemberitahuan yang dialamatkan kepada Depositori. Pihak itu hendaklah membuat apa-apa pemberitahuan tambahan menurut perenggan 6 Perkara 29 (Pemberitahuan) yang boleh dikehendaki disebabkan oleh penarikan balik atau penggantian reservasi itu. Tertakluk kepada perenggan 7

Perkara 35 (Permulaan Kuat Kuasa), penarikan balik atau penggantian itu hendaklah berkuat kuasa:

- (a) berkenaan dengan suatu Perjanjian Cukai yang Diliputi semata-mata dengan Negara atau bidang kuasa yang merupakan Pihak-Pihak kepada Konvensyen apabila pemberitahuan penarikan balik atau penggantian reservasi itu diterima oleh Depositori:
 - (i) bagi reservasi berkenaan dengan peruntukan yang berhubungan dengan cukai yang ditahan pada sumber, jika peristiwa yang menyebabkan cukai itu berlaku pada atau selepas 1 Januari tahun yang berikutnya selepas habis tempoh enam bulan kalendar yang bermula pada tarikh yang dimaklumkan oleh Depositori mengenai pemberitahuan penarikan balik atau penggantian reservasi itu; dan
 - (ii) bagi reservasi berkenaan dengan semua peruntukan lain, bagi cukai yang dilevikan berkenaan dengan tempoh boleh dicukai yang bermula pada atau selepas 1 Januari tahun yang berikutnya selepas habis tempoh enam bulan kalendar yang bermula pada tarikh yang dimaklumkan oleh Depositori mengenai pemberitahuan penarikan balik atau penggantian reservasi itu; dan
- (b) berkenaan dengan suatu Perjanjian Cukai yang Diliputi yang baginya satu atau lebih Bidang Kuasa Pejanji menjadi suatu Pihak kepada Konvensyen ini selepas tarikh penerimaan oleh Depositori mengenai pemberitahuan penarikan balik atau penggantian itu: pada tarikh yang terkemudian yang baginya Konvensyen mula berkuat kuasa bagi Bidang Kuasa Pejanji itu.

Perkara 29 – Pemberitahuan

1. Tertakluk kepada perenggan 5 dan 6 Perkara ini, dan perenggan 7 Perkara 35 (Permulaan Kuat Kuasa), pemberitahuan menurut peruntukan yang berikut hendaklah

dibuat pada masa tandatangan atau apabila surat cara ratifikasi, penerimaan atau kelulusan didepositkan:

- (a) Klausa (ii) subperenggan (a) perenggan 1 Perkara 2 (Tafsiran Istilah);
- (b) Perenggan 6 Perkara 3 (Entiti yang Telus);
- (c) Perenggan 4 Perkara 4 (Entiti Dwipemastautin);
- (d) Perenggan 10 Perkara 5 (Pemakaian Kaedah bagi Penghapusan Pencucuaian Dua Kali);
- (e) Perenggan 5 dan 6 Perkara 6 (Tujuan suatu Perjanjian Cukai yang Diliputi);
- (f) Perenggan 17 Perkara 7 (Pencegahan Penyalahgunaan Triti);
- (g) Perenggan 4 Perkara 8 (Transaksi Pindahan Dividen);
- (h) Perenggan 7 dan 8 Perkara 9 (Laba Modal daripada Pemberimilikan Syer atau Kepentingan Entiti yang Nilai Utamanya Diperoleh daripada Harta Tak Alih);
